



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 13 MAC 2014

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA 80)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

YB. Tuan V. Sivakumar minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** sasaran Kementerian untuk jualan kraftangan bagi tahun ini. Pada tahun 2013, nilai jualan kraftangan adalah lebih RM300 juta. Apakah langkah-langkah spesifik untuk mempromosi dan memajukan industri yang berpotensi tinggi ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah mensasarkan nilai jualan kraf sebanyak RM430 juta bagi tahun 2014. Bagi mempromosi dan memajukan industri yang berpotensi tinggi ini, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia memberi tumpuan dan penekanan kepada 3 program pembangunan utama iaitu:

- (1) Program Pemasaran Kraf;
- (2) Penyelidikan dan Pembangunan Kraf; dan
- (3) Program Satu Daerah Satu Industri - Produk Kraf.

Pelaksanaan Program Pemasaran Kraf merupakan salah satu usaha Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia memperluaskan pasaran kraf dan meningkatkan nilai jualan produk kraf tempatan di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara program promosi yang dilaksana dan disertai adalah seperti berikut:

- (1) Promosi Bertema seperti Hari Kraf Kebangsaan, Promosi Kerja Kahwin, Promosi Kraf Aidilfitri dan Promosi Hiasan Dalaman dan Seni Taman;
- (2) Promosi Kraf Malaysia di pusat beli-belah dan tumpuan pelancong;
- (3) Pameran Perdagangan dalam dan luar negara; dan
- (4) Promosi Kraf Malaysia peringkat negeri dan Acara Khas.

Program Penyelidikan dan Pembangunan kraf pula melibatkan aktiviti pembangunan produk dan rekaan baru. Pelbagai rekaan produk baru dalam bidang kraf tekstil, hasil logam, hasil tanah, hasil rimba dan aneka kraf dibangunkan dengan kerjasama usahawan kraf. Program ini bertujuan memperbanyakkan produk-produk kraf baru di pasaran. Penghasilan produk kraf tempatan yang unik, istimewa dan beridentitikan seni warisan tempatan menjadi salah satu daya tarikan kepada pembeli dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Program Satu Daerah Satu Industri - Produk Kraf pula, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia memberi penekanan kepada pelaksanaan aktiviti Bimbingan Teknikal, Bimbingan Keusahawanan, Insentif Pengeluaran dan Insentif Perniagaan. Program ini bertujuan memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran usahawan di samping meningkatkan daya pengeluaran produk kraf yang bermutu dan kompetitif.

Pelaksanaan program-program pembangunan berkenaan telah membantu mempromosi dan memajukan industri kraf ke arah potensi yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penjawat awam yang memiliki kelulusan sarjana dan doktor falsafah (PhD) masa kini dan nyatakan langkah kerajaan bagi menambahkan bilangan penjawat awam berkelulusan sedemikian bagi memacu negara mencapai negara maju berpendapatan tinggi serta nyatakan insentif yang diberikan kepada mereka berkenaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan penjawat awam yang memiliki kelulusan Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) masa kini adalah seramai **34,642 orang**. Daripada jumlah tersebut, **31,980 orang memiliki kelulusan Sarjana** dan **2,662 orang memiliki kelulusan Doktor Falsafah (Ph.D)**.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan bilangan penjawat awam memiliki kelayakan akademik hingga peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D), adalah dengan menyediakan:

- i. kemudahan cuti belajar; dan
- ii. penajaan.

Keperluan cuti belajar dan penajaan adalah bertujuan untuk membangunkan kepakaran pegawai berdasarkan bidang-bidang strategik yang diperlukan mengikut skim perkhidmatan bagi menerajui perkhidmatan awam.

Selain daripada itu, Kerajaan juga menyediakan insentif kepada pegawai yang mempunyai kelayakan akademik Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D). Mereka diberikan insentif melalui penetapan gaji permulaan yang lebih tinggi. Ia meliputi 33 skim perkhidmatan yang

memperuntukkan kelayakan masuk pelbagai antaranya Pensyarah Universiti, Pegawai Teknologi Maklumat, Pegawai Penyelidik dan Akauntan.

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan masih berada di gred lantikan yang kemudiannya memperolehi Sarjana atau Ph.D, kerajaan juga memberi insentif Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) khusus bagi skim-skim perkhidmatan seperti Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma. Namun begitu Kerajaan terbuka dengan sebarang cadangan yang mampu meningkatkan prestasi pegawai dan penyampaian perkhidmatan serta kemampuan kewangan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN - DAP]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 10)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan plan tindakan yang disediakan bagi ahli sukan lelaki dan wanita yang sudah bersara sama ada disebabkan umur atau kecederaan, memandangkan ramai yang tiada sumber pendapatan selepas persaraan. Adakah wujud peluang untuk mereka berkhidmat semula dalam arena sukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui agensinya, Majlis Sukan Negara telah mengambil beberapa langkah pro aktif yang merupakan pelan tindakan untuk memastikan kebajikan atlet yang bersara kerana umur atau kecederaan sentiasa terpelihara.

i. **Penubuhan YAKEB**

a. Objektif atau peranan utama penubuhan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan adalah untuk menguruskan hal ehwal kebajikan atlet dalam pelbagai aspek seiring dengan matlamat memberi manfaat kepada atlet negara sama ada yang masih aktif menyumbang tenaga, ataupun yang telah bersara termasuk atlet kelainan paya (OKU) yang selama ini telah berkorban mengerahkan keringat untuk mengharumkan nama negara di pentas dunia.

ii. **Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK)**

a. Setiap individu yang ingin menjadi seorang jurulatih yang berkeelayakan perlulah melengkapkan dua komponen kursus iaitu Kursus Sains Sukan dan Kursus Sukan Spesifik untuk mendapatkan sijil penuh Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) ini. Kursus-kursus ini ditawarkan secara percuma kepada atlet Negara.

iii. **Kursus-kursus Vokasional dan Teknikal**

- a. Pihak Majlis turut memberi peluang kepada atlet yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus vokasional atau teknikal yang banyak ditawarkan oleh institusi-institusi kemahiran dan teknikal di negara kita.

iv. **MoU dengan IPTA/IPTS**

- a. Pihak MSN juga telah menandatangani MoU dengan 12 buah IPTA/IPTS yang merupakan suatu kerjasama strategic ke arah menggalakkan lebih ramai atlet melanjutkan pelajaran sekaligus menjaga kebajikan serta menjamin masa depan mereka. Melalui MoU ini, para atlet yang berkecualan diberi syarat kemasukan yang fleksibel, pengecualian yuran pengajian dan pelepasan kehadiran oleh IPT yang terlibat mengikut pencapaian dan prestasi mereka dalam bidang sukan masing-masing.

v. **Kerjasama dengan agensi kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada atlet Negara**

- a. Pihak Kementerian melalui MSN yang sentiasa prihatin akan masa depan atlet-atlet turut membantu mereka untuk diserapkan ke pekerjaan di sektor awam melalui kerjasama yang dijalinkan bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Institut Sukan Negara (ISN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 13 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan air di klinik-klinik kesihatan desa khususnya di kawasan pedalaman Baram.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan telah merangka beberapa sistem bekalan air di klinik-klinik kesihatan luar bandar khususnya yang tiada mendapat punca bekalan air paip daripada pihak pembekal air. Bekalan air terawat di luar bandar sebenarnya adalah dijalankan bersama oleh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan secara keperluan oleh KKM. Beberapa sistem telah dilaksanakan, di antaranya adalah sistem bekalan air paip gravity (GFS), sistem telaga, sistem tadahan air hujan dan

sistem pam air dari sungai. Bagi mana-mana kawasan kampung pedalaman yang mana terdapat sistem bekalan air GFS yang dilaksanakan di bawah program BAKAS oleh Kementerian Kesihatan, klinik-klinik kesihatan di dalam kawasan berkenaan menerima bekalan air daripada punca gunung melalui sistem GFS yang disambungkan ke klinik-klinik berkenaan. Sementara itu, bagi klinik-klinik kesihatan yang tiada mempunyai sistem GFS atau telaga pula, ia dibekalkan dengan sistem tangki air hujan. Pihak KKM juga telah membina sebanyak 20 sistem telaga air (tube well) di klinik-klinik terlibat di bawah program menaiktaraf kemudahan-kemudahan klinik-klinik kesihatan di negeri Sarawak pada tahun 2008. Pada tahun ini, di bawah program Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK), KKM juga telah menyediakan peruntukan bagi membaiki dan menaiktaraf kemudahan di beberapa klinik kesihatan yang telah dikenalpasti.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad**
[Pasir Puteh]
TARIKH : **13.03.2014**
SOALAN :

Y.B. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sebuah sekolah menengah baru di kawasan Gaal (Pasir Puteh) akan dibina memandangkan Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal sudah kekurangan bilik darjah sejak daripada tahun 2000 lagi dan tanah sudah selesai pembayaran pampasan dalam tahun 2006.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akses pendidikan kepada setiap rakyat termasuk yang berada dalam kawasan pedalaman sentiasa menjadi keutamaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam membuat perancangan sesebuah sekolah baru KPM akan mengkaji secara terperinci dalam pelbagai aspek termasuk lokasi yang sesuai, kepadatan penduduk, pertambahan kelahiran, kesesuaian tapak cadangan dan pemerolehan tapak baru.

Terdapat 11,438 murid-murid yang mendapat pendidikan menengah secara formal di 15 buah sekolah kerajaan di sekitar Parlimen Pasir Puteh. 14 buah sekolah beroperasi dalam satu (1) sesi persekolahan dan hanya sebuah sekolah menengah iaitu SMK Cherang Ruku yang beroperasi dalam dua (2) sesi.

Nisbah kapasiti murid dengan kelas adalah dalam norma (30 hingga 35 murid bagi satu kelas). Buat masa ini, KPM belum bercadang untuk membina sebuah sekolah menengah baru di kawasan Gaal. Walau bagaimana pun perkara ini akan dipertimbangkan semula jika terdapat keperluan mendesak

Rjm 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pertimbangan-pertimbangan dan asas-asas yang telah diambil sebagai rasional kepada penyelarasan kadar premium insurans bagi kenderaan bermotor yang berkuatkuasa pada Februari 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rangka Kerja Tarif Motor yang

baharu telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2011. Premium insurans motor yang ditetapkan dalam Tarif Motor tidak pernah dikaji semula sejak lebih 30 tahun dahulu. Ini menyebabkan premium yang dikutip oleh penanggung insurans tidak sejajar dengan pampasan yang dibayar yang juga merangkumi peningkatan dalam kos tuntutan disebabkan oleh kenaikan jumlah kes kemalangan, kos perubatan, kos alat ganti kenderaan dan lain-lain lagi. Pada tahun 2012, bagi setiap RM1.00 premium insurans motor yang dikutip oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar keluar sebagai pampasan bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga sahaja. Ini belum mengambil kira lain-lain kos yang ditanggung.

2. Jika premium insurans ditetapkan pada tahap yang terlalu rendah, penanggung insurans tidak akan mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar tuntutan. Berhadapan dengan keadaan sebegini, sesetengah penanggung insurans mengambil keputusan untuk lebih berhati-hati dalam menawarkan polisi Pihak Ketiga. Secara tidak langsung, ia menyebabkan kesulitan kepada orang awam untuk mendapatkan perlindungan insurans motor. Untuk menangani isu ini, Rangka Kerja Tarif

Motor yang baharu telah diperkenalkan bertujuan untuk:

- i. Melaraskan kadar premium pada jumlah yang kecil dan secara berperingkat selama empat tahun dari tahun 2012 sehingga 2015; dan
 - ii. Memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan proses tuntutan insurans motor dan mengekang peningkatan dalam kos tuntutan.
3. Sebagai contoh, bagi perlindungan pihak ketiga, seseorang pemilik motosikal 110cc dikenakan premium tambahan yang sangat kecil di antara RM1.00 dan RM3.50 setahun (maksimum 30 sen sebulan). Bagi pemilik kenderaan persendirian 1400cc, premium tambahan adalah di antara RM6 hingga RM34 setahun (maksimum RM2.80 sebulan).
4. Orang ramai yang menghadapi sebarang masalah atau pertanyaan berhubung dengan insurans motor boleh menghubungi Bank Negara Malaysia untuk tindakan lanjut seperti yang berikut:

Alamat : Pusat Hubungan Bersepadu

Bank Negara Malaysia

Tingkat 14, Blok B

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

No. telefon : 1-300-88-5465

Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
(BATU PAHAT)**
TARIKH : **13 MAC, 2014 (KHAMIS)**
NO SOALAN : **NOMBOR 14**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]
minta**PERDANA** **MENTERI** menyatakan langkah-
langkah konkrit bagaimengatasitindakan memainkan isu-isu sensitif tentang kaum dan
agama terus-terusan oleh beberapa NGO dan pihak-pihak yang lain supaya Malaysia
dapat ke kalsebagai sebuah Negara pelbagaibangsa, budayadan agama yang
dihormati.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Di dalam menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB Batu Pahat pada pagi ini, saya juga memohon izin untuk menyatukan dan memberikan jawapan bersekali kepada beberapa soalan lain yang mempunyai maksud yang lebih kurang sama dengan soalan YB Batu Pahat. Soalan-soalan yang lebih kurang sama maksudnya itu ialah **soalan nombor 71 pada 19 Mac 2014 yang dibangkitkan oleh YB Nibong Tebal, soalan nombor 48 pada 20 Mac 2014 yang dibangkitkan oleh YB Kota Melaka, soalan nombor 56 pada 26 Mac 2014 yang dibangkitkan oleh YB Sipitang, soalan nombor 6 pada 27 Mac 2014 yang dibangkitkan oleh YB Kapar dan soalan nombor 68 pada 1 April 2014 yang dibangkitkan oleh YB Dungun.**

Mohon Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan mengambil maklum dan perhatian ke atas perkara ini.

Tahap perpaduan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadangkala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat.

Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Kesedaran dan komitmen ini dicerminkan dalam segala dasar dan langkah berterusan yang giat dilaksanakan, khasnya penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada Julai 1969 dengan pengenalan kepada Skim Rukun Tetangga dengan rondaan wajib diperkenalkan pada 1975.

JPNIN telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilham dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009 untuk terus memupuk perpaduan dalam kepelbagaian antaranya melalui:

- a) NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah GTP telah memberi suntikan semangat dan dana kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan sejak 1975 dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sejak 2004. Sambutan daripada rakyat adalah amat menggalakan. KRT bertambah dari 3996 pada 1 Januari 2009 ke 6482 pada 31 Disember 2013 manakala SRS bertambah dari 1284 ke 4011. Dari segi kualitatif, keberkesanan KRT & SRS turut meningkat yang dapat memperkasakan semangat kejiwaan dan kesukarelaan demi keselamatan dan keharmonian.

- b) JPNIN terus menganjurkan pelbagai program ke arah jalinan integrasi nasional seperti program lawatan integrasi nasional, program homestay integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
- c) Di samping itu, pelbagai aktiviti perpaduan masyarakat terus dianjurkan seperti Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara selari dengan nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1Malaysia.
- d) JPNIN juga melakukan pengesanan dan pemantauan laporan-laporan media cetak, internet, media sosial dan pihak polis melalui sistem e-sepakat bertujuan mengukur tahap keharmonian masyarakat di dalam negara. Isu-isu sosial dan kejiwaan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan di antara kaum juga dipantau dan diuruskan supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang Mediator Komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.
- e) JPNIN juga bekerjasama dengan Institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, khasnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM untuk menjalankan pelbagai kajian mengenai isu-isu hubungan antara kaum dan UPM untuk kajian memantapkan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga.
- f) Di samping itu, atas arahan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) ditubuhkan yang disertai oleh pemimpin-pemimpin agama Islam dan Bukan Islam untuk berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama.

- g) Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan bebas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menghalang perpaduan dan mengesyorkan jalan penyelesaian terbaik kepada Kerajaan melalui pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*).
- h) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda dan penduduk bandar melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.
- i) Penubuhan Skwad Perpaduan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang memainkan peranan sebagai suatu pasukan terdiri daripada pelbagai kaum yang akan mendampingi ahli-ahli masyarakat di kawasan setempat untuk memberikan perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan pengurangan konflik, keselamatan kejiwaan melalui Skim Rondaan Sukarela agar wujud perasaan selamat di kalangan komuniti, pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]
TARIKH : 13 MAC 2014
SOALAN :

YB Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan jelas bagi menepis tanggapan salah masyarakat mendapatkan perkhidmatan hospital Kerajaan lebih rumit dan menyukarkan dengan hanya menunggu temujanji demi temujanji sehingga pesakit menemui kematian dibandingkan hospital swasta cepat buat keputusan serta memerlukan bayaran yang tinggi sedangkan sebenarnya hospital Kerajaan mempunyai segala kemudahan umpamanya doktor pakar, ubatan canggih serta peralatan teknologi yang jauh lebih moden.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum dengan situasi waktu menunggu yang dialami oleh pelanggan. Namun begitu, dengan beban kerja yang tinggi di Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Pakar, waktu menunggu yang panjang terutama di waktu puncak tidak dapat dielakkan.

Setiap tahun, bilangan pesakit yang hadir ke Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan meningkat, di mana pada tahun 2012, jumlah kedatangan pesakit di Klinik Pakar adalah sebanyak 7,183,880 lawatan berbanding 6,807,243 lawatan pada tahun 2011. Manakala, jumlah kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan pula pada tahun 2012 adalah sebanyak 7,410,066 berbanding 7,143,433 lawatan pada tahun 2011.

Rawatan di Klinik Pakar adalah berasaskan sistem temujanji, di mana setiap pesakit perlu dirujuk dahulu ke klinik tersebut dari mana-mana fasiliti kesihatan sama ada Kerajaan ataupun swasta. Lazimnya, temujanji pertama akan diberi dalam tempoh 2 minggu hingga 12 minggu berdasarkan keadaan klinikal kes. Pegawai perubatan akan membuat penilaian awal ke atas kes-kes *walk-in* sebelum temujanji diberi melainkan kes-kes kecemasan akan terus diberi rawatan sewajarnya. Kerumitan mendapatkan temujanji di klinik pakar adalah satu tanggapan yang salah.

Antara langkah yang telah diambil oleh KKM untuk mengurangkan tempoh menunggu di hospital adalah :-

- i. Memperkenalkan sistem temujanji secara berperingkat (*staggered*) bagi kes-kes kronik dan pesakit perlu hadir di klinik 30 minit sebelum temujanji;
- ii. Bagi kes-kes ulangan, rekod perubatan pesakit disediakan terlebih dahulu sebelum tarikh temujanji;
- iii. “*Redeployment of doctors*” ke klinik-klinik pada waktu puncak;

- iv. Memberi temujanji berasingan untuk ujian darah iaitu 1-2 minggu sebelum tarikh temujanji berjumpa pegawai perubatan; dan
- v. Memanjangkan waktu operasi klinik selepas waktu pejabat, di mana klinik ini akan beroperasi hingga jam 9 malam atau 12 malam untuk pesakit luar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]
TARIKH : 13 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelajar-pelajar Malaysia yang memegang ijazah perubatan dari Rusia. Berapa ramai di antara mereka yang masih lagi tidak mendapat pekerjaan. Apakah rancangan Kementerian untuk pelajar-pelajar tersebut

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) mengiktiraf program perubatan dari 5 (LIMA) buah universiti di Rusia seperti berikut:

Bil	Universiti	Jumlah Graduan (2007-2013)
1	I.M Sechenoc Moscow Medical Academy	324
2	Russian State Medical University	296
3	Nizhny Novgorod State Medical Academy	309
4	Volgograd State Medical University	266
5	Kursk State Medical University	664

Merujuk kepada Akta Perubatan 1971, graduan dari universiti-universiti berkenaan layak diterima berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Setelah memperoleh pendaftaran dengan MPM, graduan boleh memohon untuk jawatan Pegawai Latihan Siswazah (UD41).

Manakala bagi graduan dari universiti yang tidak diiktiraf, baik dari Russia atau negara lain, mereka perlu menduduki dan lulus Ujian Kelayakan Perubatan atau *Medical Qualifying Examination* sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Perubatan 1971 sebelum layak berdaftar dengan MPM.

Sehingga kini, belum ada graduan perubatan dari institusi lain di Rusia yang memohon untuk menduduki ujian kelayakan atau belum lulus ujian kelayakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said
[Pengerang]**

TARIKH : 13.03.2014

SOALAN :

Y.B. Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa usaha-usaha yang akan diambil Kementerian untuk memberikan akses pendidikan kepada bahawa kanak-kanak pelarian (*refugees*) di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan peluang dan hak kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan, termasuk kanak-kanak pelarian yang tiada dokumen. Walau bagaimanapun, tiada kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak tanpa kerakyatan yang bersekolah di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Ini berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah).

Sehubungan dengan itu, KPM telah menggubal Dasar Pendidikan Alternatif bagi menyelaraskan segala usaha dan inisiatif daripada pelbagai pihak dalam menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak tersebut. Walau

bagaimanapun penyediaan pendidikan bagi kanak-kanak pelarian masih tertakluk kepada 'Arahan 23 Majlis Keselamatan Negara : Mekanisma Pengurusan Pendatang Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR'.

Di antara usaha Dasar Pendidikan Alternatif yang dirancang dan dilaksanakan oleh KPM ialah:

1. Menyelaras usaha menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak yang terlibat;
2. Menetapkan mekanisme pelaksanaan pendidikan alternatif oleh semua agensi terlibat;
3. Menyediakan modul asas kemahiran membaca, menulis dan mengira;
4. Menyediakan modul asas kepada program kemahiran hidup; dan
5. Menggalakkan usaha sama antara agensi kerajaan dan swasta.

Majlis Keselamatan Negara juga telah mengadakan perkongsian pintar bersama-sama *United Nations Children's Fund (UNICEF)*, dan KPM dalam memberi pendidikan asas kepada anak-anak pemegang kad IMM13 (pelarian Filipina) berumur antara 7 hingga 14 tahun yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang tidak berpeluang bersekolah di sekolah aliran perdana melalui Pendidikan Alternatif. Kerjasama ketiga-tiga pihak ini telah membawa kepada penubuhan dua (2) Pusat Pembelajaran iaitu Pusat Pembelajaran Kg. Numbak, Kota Kinabalu dan Pusat Pembelajaran Kg. Bahagia, Sandakan Sabah. Seramai 909 kanak-kanak sedang belajar di kedua-dua Pusat Pembelajaran ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

**Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh
Kerajaan untuk menarik golongan muda melibatkan diri dalam industri
getah.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) mengadakan pelbagai program bagi menggalakkan golongan belia terutamanya lepasan sekolah untuk menceburi dalam industri getah.

Dari tahun 2009 hingga 2013, Akademi Hevea Malaysia (AHM) di bawah LGM telah menyediakan latihan dalam industri getah bagi seramai 2,277 orang, di mana seramai 1,316 peserta telah menghadiri latihan dalam pengurusan perladangan manakala baki seramai 961 peserta telah dilatih dalam sektor hiliran. Kesemua kursus ini telah dijalankan secara jangka masa pendek.

Bagi sektor hulu, kursus-kursus yang dijalankan adalah berkaitan dengan pengurusan ladang termasuk kursus Sijil Teknologi Getah yang menumpukan kepada penjagaan ladang dan pemprosesan getah kepada belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Kursus ini dijalankan selama 18 bulan dan ianya adalah setara dengan tahap 3 (sijil) di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA). Bagi tempoh 2010 hingga 2013, seramai 41 orang telah mengikuti kursus ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menggalakkan penyertaan dalam sektor hiliran, LGM juga menyediakan pinjaman kepada para pelajar mengikuti kursus-kursus berkaitan industri getah sehingga ke peringkat Ijazah. Bagi tempoh 2003 hingga 2013, seramai 62 pelajar yang berkelayakan telah diberi pinjaman/biasiswa oleh pihak LGM untuk mengikut program/kursus dalam sektor getah di pusat-pusat pengajian tinggi.

Daripada jumlah tersebut, seramai 21 kakitangan LGM mengikuti program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda manakala 41 orang pelajar mengikuti kursus teknologi getah asli. Melalui program ini, para pelajar yang berjaya berpeluang bekerja di syarikat-syarikat yang terlibat di dalam industri getah.

Selain itu juga, Kementerian menganjurkan secara berkala program "Hello Komoditi" yang bertujuan antara lain mempamerkan potensi perniagaan dan peluang-peluang pekerjaan dalam industri komoditi termasuk sektor getah. Bagi tahun 2013, sebanyak 9 program "Hello Komoditi" telah diadakan di beberapa tempat di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6486

SOALAN:

**PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR
GUDANG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah
Pejabat Pendaftaran Negara di Pasir Gudang akan dipindahkan ke
lokasi baru di Pusat Bandar Pasir Gudang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk memindahkan Pejabat Pendaftaran Negara, Pasir Gudang yang terletak di No. 15 & 15 A, Jalan Selambak 14, Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang ke lokasi baru di Pusat Bandar Pasir Gudang. Hal ini kerana pejabat tersebut masih mampu untuk menampung keperluan pelanggan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Pasir Gudang dan kawasan sekitar yang berhampiran dengannya selain dapat menjimatkan kos penyewaan yang ditanggung oleh Kerajaan. Di samping itu, perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) juga boleh diperolehi oleh penduduk Pasir Gudang di JPN Negeri Johor yang terletak di Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Taman Setia Tropika, Kempas yang jaraknya lebih kurang 25 kilometer dari Pusat Bandar Pasir Gudang dengan mengambil masa perjalanan selama 35 minit melalui Lebuh raya Pasir Gudang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**
TARIKH : **13 MAC, 2014 (KHAMIS)**
NO SOALAN : **NOMBOR 20**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]
mintaPERDANA **MENTERI**
menyatakanhasildaripadamesyuaratMajlisRundinganPerpaduan Negara (NUCC)
padaJanuari 2014 dansejauhmanakahkesediaanKerajaanbertindakatascadangan-
cadangan NUCC.

JAWAPAN :

Tan Sri Yang Di Pertua ;

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah ditubuhkan pada 11 September 2013. Ia merupakan mekanisma untuk mempergiatkan usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. MPKN ini menjadi platform untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks bagi merintis jalan untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menghalang perpaduan.

Di antara peranan dan tanggungjawab MKPN adalah :

- i. Bertindak sebagai badan penasihat kepada Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional;
- ii. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan halatuju dan dasar perpaduan Negara dan integrasi nasional;
- iii. Mengesyorkan bidang kajian yang diperlukan berkaitan dengan perpaduan Negara dan integrasi nasional;
- iv. Menggubal pelan tindakan perpaduan Negara dan integrasi nasioanl; dan
- v. Mencadangkan syor-syor untuk mengukuhkan perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Memandangkan MKPN ini ditubuhkan oleh Kerajaan, maka Kerajaan memang bersedia untuk menerima dan mempertimbangkan apa jua cadangan jangka panjang yang dikemukakan kelak. MKPN bukan bertindak sebagai badan penyelesaian ke atas isu-isu semasa yang berbangkit, tetapi peranan dan tanggungjawabnya lebih berbentuk mencadangkan Pelan Tindakan jangka panjang berkaitan perpaduan dan integrasi nasional dengan memberi tumpuan kepada bidang-bidang tertentu antaranya ;

- i. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian Negara;
 - ii. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya;
 - iii. Pembangunan inklusif;
 - iv. Belia dan perpaduan; dan
 - v. Integrasi Nasional
-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan warganegara tanpa negara di negeri Sabah dan apakah kemudahan yang boleh dinikmati oleh mereka yang berstatus tanpa negara ini; dan
- (b) adakah anak-anak tanpa negara ini dibenarkan mendapatkan pendidikan di negara ini.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, tiada kanak-kanak tanpa kerakyatan yang bersekolah di sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan. Ini berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah). Walau bagaimanapun, anak-anak tanpa kerakyatan ini boleh belajar di sekolah-sekolah swasta.

Di negeri Sabah, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan semua kanak-kanak di negeri ini termasuk kanak-kanak tanpa kerakyatan mendapat pendidikan sewajarnya tanpa mengira agama, bangsa dan lokasi dengan memberikan tumpuan kepada aspek 3M (Membaca, Mengira dan Menulis) dan pendidikan nilai jati diri melalui Sekolah KAFA/3M. Kini Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/Labuan (PPKP(S/L)) mengendalikan 12 buah sekolah KAFA/3M dan mempunyai seramai 3,092 orang pelajar yang belajar di Sekolah KAFA/3M di seluruh Sabah dan W.P Labuan.

PPKP (S/L) juga telah mengadakan *smart partnership* bersama *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memberi pendidikan asas kepada kanak-kanak yang tidak berpeluang bersekolah di sekolah aliran perdana melalui Pendidikan Alternatif. Kerjasama ketiga-tiga pihak ini telah membawa kepada penubuhan dua (2) pusat pembelajaran iaitu Pusat

Pembelajaran Kg. Numbak dan Pusat Pembelajaran Kg. Bahagia,
Sandakan, Sabah.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 22

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang diluluskan dan yang telah dibelanjakan untuk sistem mySIKAP; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang telah timbul sejak permulaan penggunaan mySIKAP dan apakah penyelesaiannya serta apakah masalah yang belum diselesaikan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sistem mySIKAP dibangunkan bagi menggantikan Sistem SIKAP yang telah digunakan sejak tahun 1992 hingga 30 Oktober 2013. Sistem mySIKAP dibangunkan menerusi Projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ yang melibatkan peruntukan sebanyak RM282 juta bagi tempoh 2010 hingga 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM240,547,918.00 telahpun dibelanjakan sehingga Disember 2013.

- (b) Pada peringkat *National Roll-Out* mulai 1 November 2013 pelaksanaan mySIKAP, prestasi sistem amat perlahan dan mengganggu proses urusan. Hasil siasatan awal mendapati kapasiti *mainframe* di JPJ tidak dapat menyokong transaksi mySIKAP kerana *Mainframe jenis IBM z10-EC-402* sedia ada yang berkapasiti 415 MIPS tidak berupaya menampung pelbagai urusan JPJ dalam bilangan yang tinggi. *Mainframe jenis ini* tidak dapat dipertingkatkan kerana khidmat peningkatan *mainframe* tersebut telah dihentikan (*End-of-Marketing*) oleh pembekal iaitu Syarikat IBM mulai Jun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai penyelesaian *interim*, JPJ telah menggunakan *mainframe* daripada syarikat Heitech Padu Bhd. iaitu *z196* dengan kapasiti 1124

MIPS. Walau bagaimanapun, bagi penyelesaian jangka panjang pula, pihak JPJ sedang dalam proses permohonan peruntukan bagi perolehan *mainframe* baru iaitu IBM zEC12-503 dengan kapasiti 1746 MIPS. Keperluan untuk menambah Kapasiti MIPS ini adalah mengambilkira peningkatan urusan yang berganda dan pertambahan skop baru bagi pelaksanaan program-program JPJ seperti pelaksanaan Lesen Memandu Bentuk Baru Bersekuriti Tinggi, myIDENTITY dan pelaksanaan AES. Tujuan penambahan kapasiti ini adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan kepada masyarakat melalui perkhidmatan secara atas talian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 23

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah perancangan pihak Kementerian untuk mengembalikan waktu bersiaran Radio Malaysia Labuan (LabuanFM) kepada tempoh masa 18 jam sepertimana dahulu sebelum jadual bersiaran baharu iaitu 12 jam bermula 1 Februari 2014. Ini kerana, LabuanFM telah menjadi sinonim dengan kehidupan harian warga Labuan. Melaluinyalah diseminasi makluman awam, berita tempatan serta program yang melibatkan rakyat dan tetamu ke Pulau Labuan dapat disampaikan selama ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Radio Labuanfm bersiaran 24 jam sehari iaitu 12 jam (6.00 pagi hingga 7.00 malam) bersiaran menerusi konti Radio Labuanfm manakala 12 jam lagi (7.00 malam hingga 6.00 pagi) sambungsiar dari Radio Nasionalfm.

Transformasi Nasionalfm sebagai radio berkonsepkan info dan berita telah dilaksanakan baru-baru ini. Sambungsiar Nasionalfm menerusi

SOALAN NO: 23

siaran Radio Labuanfm bertujuan mendedahkan masyarakat Labuan kepada maklumat yang lebih banyak dan meluas.

Walaupun sambungsiar tetapi masih ada petugas di Labuanfm dan jika berlaku sesuatu (bencana, kecemasan), maklumat masih boleh disampaikan kepada masyarakat Labuan menerusi siaran/berita tebuk.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mengapakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan parti politik membuat pendaftaran pengundi baru.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) membuat pendaftaran pemilih baru sekiranya tempoh pelantikannya telah tamat.

Buat masa ini, tiada pelantikan baru dibuat oleh SPR setelah tempoh pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) sedia ada tamat. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan SPR membuat penyelarasan terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada.

Walau bagaimanapun, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID**
[KOTA TINGGI]

TARIKH : **13 MAC 2014 (KHAMIS)**

SOALAN : **25**

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan unit khas pemantauan terhadap iklan-iklan komersial atau bahan promosi sama ada media cetak atau elektronik supaya lebih menerapkan ciri-ciri ketimuran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua, .

Iklan di negara ini dikawal selia secara *self-regulatory* atau kawal selia sendiri dengan izin oleh pengamal industri. Amalan ini dilaksanakan di kebanyakan negara maju di dunia bertujuan untuk memberi sedikit kebebasan kepada pengamal-pengamal industri berkarya secara bebas tetapi terkawal. Di Malaysia, setiap iklan komersial yang akan disiarkan dalam media elektronik mesti melalui tapisan oleh Lembaga Penapis Filem (Kementerian Dalam Negeri) dan Lembaga Iklan Ubat

SOALAN NO: 25

(Kementerian Kesihatan Malaysia). Aspek yang dinilai adalah dari aspek keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan, sosial budaya dan kesusilaan. SKMM dengan kerjasama Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) sentiasa memantau setiap iklan komersial yang disiarkan di semua stesen TV dan radio. Semua iklan komersial yang disiarkan mestilah mematuhi Kod Kandungan yang diterbitkan hasil rundingan bersama para pemain industri.

Bagi iklan media cetak, kawal selia sendiri dilaksanakan melalui satu badan bebas yang dikenali sebagai *Advertisement Standards Authority* atau ASA. Setiap agensi mempunyai mekanisme kawalan ke atas iklan untuk kepentingan pengguna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 26

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) Berapakah kos asal pembinaan KLIA2.
- (b) Apakah kos tambahan bagi pembinaan KLIA2 dan adakah projek ini akan disiapkan dan digunakan sepenuhnya seperti dijadualkan pada 2 Mei 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Anggaran kos asal pembinaan KLIA2 adalah RM2 billion.

(b) Antara kerja-kerja tambahan yang menyebabkan pertambahan terhadap kos projek ialah seperti berikut:

- (i) Pembinaan bangunan terminal yang lebih besar – daripada 2 aras (2 tingkat) kepada 3 aras (9 tingkat) di mana saiznya telah meningkat sebanyak 71% daripada 150,000 meter persegi kepada 257,000 meter persegi. Penambahan saiz terminal adalah untuk memenuhi kehendak Kementerian Dalam Negeri/antarabangsa dari segi pengasingan penumpang sepenuhnya.
- (ii) Penaiktarafan sistem pengendalian bagasi separa auto kepada automatik sepenuhnya.
- (iii) Peningkatan bilangan '*aircraft stands*' daripada 50 buah kepada 68 buah '*aircraft stands*' dan tambahan 8 buah '*remote stands*'. Ini juga telah menyebabkan penambahan saiz kawasan apron sebanyak 60%.
- (iv) Landasan 3 yang lebih panjang dari 2.5 km asalnya kepada 3.96 km, dan
- (v) Peningkatan dalam infrastruktur lain seperti jalanraya yang juga perlu dibuat bertingkat mengikut keperluan bangunan terminal.

KLIA2 akan siap dan dibuka untuk operasi seperti yang dijadualkan pada 2 Mei 2014.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
[SILAM]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN:

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan peranan Kementerian dalam menangani isu “Palahu” yang terlalu banyak di Sabah. Golongan ini tidak mempunyai negara dan sentiasa berlegar di kawasan perairan Sabah, ia bukan sahaja memburukkan pemandangan kawasan bahkan boleh menjejaskan imej dan keselamatan negara sekiranya tiada penyelesaian dan langkah berterusan yang diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Agensi-Agensi Penguatkuasaan di Sabah sentiasa membuat pemantauan dan juga penguatkuasaan ke atas golongan bukan warganegara dan juga pendatang asing tanpa izin (PATI) termasuklah golongan Palau. Operasi-operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah seperti Operasi Bersepadu (Ops Bersepadu) dan Ops Tanduk.

Agensi Penguatkuasaan di Sabah tidak mensasarkan mana-mana kaum atau warganegara tertentu dalam menguatkuasakan undang-undang negara. Sekiranya, mereka ini tidak mempunyai dokumen yang sah, atau menyalahi undang-undang dan Peraturan Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002), mereka akan ditangkap dan akan diusir ke negara asal.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
(PENGKALAN CHEPA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [PENKALAN CHEPA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan tarikh-tarikh penyerahan geran perkapita bagi
negeri-negeri di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Geran Perkapita Bagi Negeri-negeri
disalurkan sebanyak 2 kali setahun iaitu pertama bagi tempoh Jun
sehingga Julai dan kedua bagi tempoh Julai sehingga Disember.

Sekian terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 29

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memperbaiki segala kemudahan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu Kelantan dan adakah ia akan diiktiraf sebagai sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ketereh, pihak Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sentiasa melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap keadaan semua kemudahan-kemudahan yang disediakan di semua lapangan terbang di Malaysia termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra agar ia adalah di dalam keadaan yang memuaskan dan boleh digunakan untuk keselesaan para penumpang. Kementerian Pengangkutan pada 30 Jun 2013 juga telah mengemukakan permohonan berkaitan pembesaran bangunan terminal dan apron parkir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu kepada Unit Perancang Ekonomi untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan 4* (RP4, RMKe-10). Permohonan tersebut termasuk pembesaran dan menaiktaraf bangunan terminal bagi menampung 2.5 juta penumpang setahun dari 1.5 juta penumpang sedia ada.

Dalam pada itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Lapangan Terbang untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa sekarang, Malaysia telahpun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-Lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

DARIPADA : Y.B. NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN :-

Y.B. NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini serta halangan-halangan untuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang dinaiktarafkan sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Adakah George Town kurang layak jikalau dibandingkan dengan ibu-ibu negeri yang berjiran seperti Alor Setar dan Ipoh.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mewujudkan daerah baru, daerah kecil dan menukar taraf sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Kerajaan Negeri hendaklah terlebih dahulu dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam (JPSPA) yang di urus setia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dimaklumkan Mesyuarat JPSPA Bilangan 1 Tahun 2014 akan mempertimbangkan Cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Menaik Taraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang Kepada Bandaraya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pelaksanaan 'ESSCOM dan ESSZONE' berjalan dengan lancar mengikut keperluan objektif keselamatan dan adakah tahap pencapaian kini boleh dianggap sebagai memuaskan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumuman penubuhan Kawasan Keselamatan Khas (Special Security Area) di Sabah ataupun dikenali sebagai ESSZONE (Eastern Sabah Security Zone) telah dilakukan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mac 2013 semasa lawatan pertama beliau ke Sabah selepas insiden pencerobohan di Lahad Datu. Sebanyak 10 buah daerah telah diwartakan sebagai Zon Kawasan Selamat yang mencakupi Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

ESSCOM pula telah ditubuhkan pada 1 April 2013. Antara aspek-aspek utama yang telah dipertanggungjawabkan kepada ESSCOM ialah untuk meningkatkan kawalan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas (ESSZONE), kawasan perairan timur Sabah, meningkatkan kemampuan risikan dan kawalan perairan yang lebih efektif.

Penwujudan ESSCOM telah menunjukkan pencapaian yang memberansangkan. Dalam tempoh setahun setelah ESSCOM ditubuhkan, tahap keselamatan Pantai Timur Sabah amat memuaskan. Sejak berlakunya insiden di Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013, tiada lagi pencerobohan baru berlaku.

Sepanjang tempoh setahun penubuhan ESSCOM, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh agensi tersebut seiring dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada agensi tersebut. ESSCOM akan

meneruskan usaha untuk memastikan keadaan keselamatan di pantai timur Sabah terus terjamin berdasarkan teras-teras strategik yang telah dikenalpasti. Teras-teras strategik adalah seperti berikut:

- a) Memperkukuhkan kawalan keselamatan Kawasan Timur Sabah secara bersepadu bagi mewujudkan persekitaran yang selamat;
- b) Meningkatkan keupayaan risikan dan perkongsian maklumat;
- c) Merancang dan menyelaraskan penempatan semula selaras dengan keperluan pemeliharaan keselamatan awam bagi meningkatkan kesejahteraan hidup;
- d) Memupuk semangat patriotisme di kalangan masyarakat di kawasan Timur Sabah bagi mengukuhkan ketahanan nasional; dan
- e) Menyelaraskan program pembangunan sosio ekonomi sebagai pemangkin kepada keselamatan kawasan Timur Sabah

Kesemua aktiviti-aktiviti tersebut telah melibatkan pelbagai agensi pusat dan negeri. Ini menunjukkan bahawa ESSCOM sehingga kini telah menjalin kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan negeri, pusat, penguatkuasaan dan keselamatan dengan berkesan. Pada kesimpulannya, sejak ESSCOM ditubuhkan sehingga kini, usaha-usaha yang telah dijalankan adalah mengikut perancangan yang disasarkan bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan timur negeri ini.

Sekian. Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] PERDANA MENTERI
menyatakan:-

- (a) Pecahan bilangan pelarian di Malaysia dengan berdasarkan kewarganegaraan masing-masing; dan
- (b) Apakah jenis bantuan dan peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada para “pelarian”.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga 31 Januari 2014, terdapat 142,160 orang “pelarian” (*refugees*) dan pemohon suaka (*asylum seekers*) di Malaysia seperti pecahan berikut:

NEGARA	PEMOHON SUAKA	PELARIAN	JUMLAH
Myanmar	39,278	92,909	132,187
Afghanistan	135	190	325
Iraq	266	525	791
Somalia	216	921	1,137
Sri Lanka	2,198	1,815	4,013
Lain-lain	2,448	1,259	3,707
Jumlah	44,541	97,619	142,160

Kerajaan tidak menyediakan sebarang bantuan dan peruntukan kewangan bagi menguruskan “pelarian” yang merupakan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad UNHCR yang mendapat perlindungan sementara di negara ini. Walau bagaimanapun, atas dasar perikemanusiaan, “pelarian” ini diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TIAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 33

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai secara terperinci, apakah kerja-kerja yang dijalankan untuk projek naik taraf Lapangan Terbang Sandakan, berapakah peruntukan untuknya, dan bilakah akan disiapkan. Adakah *'runway'* dan *'aerobridge'* ditambah. Bilakah ia akan dinaik taraf sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Skop Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sandakan hanya meliputi kerja-kerja menaik taraf di bangunan Terminal. Antaranya ialah kerja-kerja menaik taraf fasad bangunan terminal, memasang sistem pendingin hawa di ruang legar, dan menaik taraf *baggage handling system*. Aspek keselamatan juga tidak diabaikan dengan pemasangan mesin pengimbas bagasi yang baru dan juga pemasangan kamera litar tertutup di tempat-tempat strategik.

Projek ini tidak melibatkan sebarang pemanjangan *runway*. Pihak *Malaysia Airport Holding Berhad* (MAHB) telah memperoleh dua (2) unit *aerobridge* baharu bagi menggantikan *aerobridge* lama.

Kos Projek Menaik Taraf Bangunan Terminal untuk Lapangan Terbang Sandakan ini berjumlah RM60.00 juta dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan berpandangan tidak ada keperluan pada masa ini untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa sekarang, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-

Lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Sandakan adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH
KAWASAN : KUALA TERENGGANU
TARIKH : 13 MAC 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan bahagian forensik Jabatan Kerja Raya Persekutuan telah menjalankan siasatan berhubung keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan, Terengganu, mengapakah kos pembaikan yang diumumkan pada 12 Februari 2014 mencecah sekurang-kurangnya RM100 juta memandangkan kos asal bumbung hanya RM34 juta sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu ialah projek di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Berikutan insiden keruntuhan bumbung stadium berkenaan pada tahun 2009, Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Bebas yang terdiri daripada 9 orang wakil dari Agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk membantu Kerajaan Negeri mengenal pasti punca keruntuhan dan seterusnya mengesyorkan tindakan pembaikan stadium berkenaan. Laporan berkenaan telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri pada bulan Januari 2010 untuk tindakan susulan.

Sehubungan itu, penentuan kaedah dan kos pembaikan bumbung stadium berkenaan terletak di bawah prerogatif Kerajaan Negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status projek Rancangan Tebatan Banjir di Sg. Juru, Sg. Junjung, Sg. Perai, Sg. Rambai dan sekitar Seberang Perai Tengah serta Bukit Mertajam yang telah dijanjikan dalam RMKe-9 dan RMKe-10

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan peruntukan sejumlah RM 2 juta bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Junjung dan sejumlah RM 614,000.00 bagi Projek Tebatan Banjir Sg. Permatang Rawa dan Sungai Ara telah dipohon dalam RMKe-10 (*Rolling Plan* ke-4) untuk pelaksanaan dalam tahun 2015. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan yang akan dimuktamadkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kelak.

Sungai Permatang Rawa dan Sungai Ara adalah sebahagian dari kawasan tadahan Sungai Juru. Maka, sebarang pelaksanaan di bawah Projek Tebatan banjir di Sungai Permatang Rawa dan Sungai Ara adalah merupakan sebahagian daripada kerja tebatan banjir pada Sungai Juru.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
TARIKH : 13.03.2014
SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan bantuan khas untuk sekolah-sekolah agama rakyat. Apakah pula syarat-syarat kelayakan bagi satu-satu sekolah agama rakyat untuk mendapat bantuan khas daripada pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap kualiti pendidikan khususnya di bidang Pendidikan Islam dan kemudahan prasarana di institusi pendidikan yang menawarkan pendidikan agama Islam. Sehubungan dengan itu, sejak 2005 hingga sekarang sebanyak 204 Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah berdaftar sebagai Sekolah Agaman Bantuan Kerajaan (SABK).

Walau bagaimanapun, kebajikan murid-murid dan guru-guru yang berkhidmat di SAR tetap mendapat perhatian daripada Kerajaan. Bantuan secara *one off* sebanyak RM50 juta diberikan kepada SAR seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2014. Syarat kelayakan sekolah agama rakyat untuk mendapat bantuan khas daripada pihak Kementerian:

1. Sekolah-sekolah agama yang menawarkan kurikulum agama/dini atau tahfiz;
2. Berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dan mempunyai sijil pendaftaran;
3. Mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri; dan
4. Tidak dikelola oleh KPM atau mana-mana Kerajaan Negeri.

Namun demikian, KPM mengalu-alukan agar SAR berdaftar sebagai Sekolah agama Bantuan Kerajaan (SABK) supaya lebih banyak bantuan dapat disalurkan seperti mana yang telah dinikmati oleh 204 buah sekolah yang telah berdaftar sejak tahun 2005.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI LIOW TIONG LAI
[BENTONG]**

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6491

SOALAN:

Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil bagi membantu syarikat dan peniaga yang memerlukan pekerja asing beroperasi dan adakah kemasukan pekerja asing yang baru akan dibenarkan untuk semua sektor kritikal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan syarikat dan peniaga yang memerlukan pekerja asing untuk beroperasi. Sehubungan ini, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi lima sektor utama yang memerlukan guna tenaga asing iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan juga pertanian bagi membantu syarikat dan peniaga untuk menjalankan operasi perniagaan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre – OSC*) pada 1 Ogos 2005 bagi memudahkan majikan daripada pelbagai sektor membuat permohonan pengambilan pekerja asing. Permohonan majikan yang lengkap dan menepati kriteria serta syarat yang ditetapkan akan diberikan kelulusan pada hari yang sama.

Bagaimanapun, keperluan pekerja asing bagi sektor kritikal perlu dirujuk kepada Agensi Kawal Selia bagi setiap sektor selaku agensi yang bertanggungjawab dalam memantau keperluan sebenar guna tenaga kerja termasuk pekerja asing di sektor masing-masing. Sekiranya sektor kritikal tersebut adalah merupakan sektor beku dan sektor luar dasar, keperluan pekerja asing di sektor-sektor tersebut juga perlu dirujuk kepada Agensi Kawal Selia yang berkenaan.

Walaupun terdapat keperluan mendesak, syarikat dan majikan seringkali diingatkan mengenai aspek keselamatan yang perlu diberi keutamaan memandangkan kehadiran pekerja asing di negara ini akan turut memberi impak terhadap ketenteraman awam, kesihatan, sosial dan ekonomi.

**PERTANYAAN BAGI PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA ; DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN : 6492

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah kekebalan sistem keselamatan Kerajaan dalam penyimpanan data-data peribadi di JPN.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius dalam memastikan semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian mematuhi aspek keselamatan sistem dan penyimpanan data. Dalam hal ini, pangkalan data yang menyimpan semua data peribadi penduduk Malaysia disimpan secara berpusat di Pusat Data Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPNM) dan tidak disimpan di cawangan-cawangan pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kawalan capaian kepada data-data tersebut juga dibuat secara berpusat dengan melalui empat lapisan keselamatan di samping menggunakan teknologi biometrik. Selain itu, hanya pengguna yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengakses sistem tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini tidak ada sebarang pencerobohan dari luar yang berjaya menembusi keselamatan Pusat Data JPNM walaupun terdapat beberapa cubaan untuk mengakses data-data berkaitan telah dikesan. Di samping itu, ujian-ujian untuk menguji tahap keselamatan dari pencerobohan juga dilaksanakan dari semasa ke semasa. Selain itu, JPN turut menjalinkan kerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menangani masalah pencerobohan dari luar.

Tuan Yang di-Pertua,

JPN telah melaksanakan *best practices* dalam pematuhan ciri-ciri keselamatan mengikut standard antarabangsa iaitu ISO/IEC 27001:2005 *Information Security Management System* (ISMS) yang telah mendapat pensijilan ini sejak tahun 2008 lagi. ISMS merupakan pendekatan berkesan yang memfokus kepada penilaian dan pengurusan risiko secara sistematik bagi mengurangkan ancaman dan memperkukuhkan lagi keselamatan maklumat di JPN. Dalam hal ini, sistem di JPN akan diaudit oleh juruaudit bertauliah daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) pada setiap tahun untuk memastikan tahap keselamatan data-data peribadi sentiasa dipatuhi. Dengan pensijilan yang diterima, JPN telah ditauliahkan sebagai sebuah jabatan yang memenuhi pematuhan prinsip-prinsip keselamatan maklumat iaitu *confidentiality, integrity, availability dan authenticity*. Selain itu, JPN juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti SIRIM dan CyberSecurity Malaysia untuk memastikan tiada penyalahgunaan dalam sistem ICT.

Di samping itu, data-data peribadi di JPN disimpan dengan selamat selaras dengan peruntukan Subperaturan 12(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang menyebut bahawa daftar tidak boleh dibuka untuk pemeriksaan oleh orang awam.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)
TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN:

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan: setakat mana usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan setiap institusi tahfiz persendirian di seluruh negara terutama di Pahang berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Kementerian Pelajaran.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi tahfiz di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah Agama sedia ada. Sehubungan itu, urusan pendaftaran dan pemantauan institusi tahfiz berada di bawah bidang kuasa negeri.

Walaupun begitu, Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan pendidikan tahfiz di seluruh negara, melalui peranan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam usaha memperkasakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) termasuk institusi tahfiz, Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa yang berusaha untuk mengalakkan sekolah-sekolah terlibat mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi taklimat kepada pihak berkuasa agama negeri termasuk Majlis Agama Islam berkaitan dengan pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai SABK. Institusi tahfiz adalah termasuk dalam kategori SAR adalah layak berdaftar sebagai SABK jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. status pemilikan tanah;
- ii. berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri;
- iii. mempunyai murid yang tetap;
- iv. melaksanakan dwi-kurikulum;
- v. beroperasi sepenuh masa;
- vi. status bangunan memenuhi syarat pihak berkuasa tempatan;
dan
- vii. mendapat persetujuan pihak lembaga pengelola sekolah.

Berdasarkan laporan dari Kementerian Pelajaran Malaysia sehingga Disember 2013 terdapat sebanyak 204 buah telah berdaftar sebagai SABK di seluruh negara. **Di negeri Pahang, sebanyak 9 buah sekolah** telah berdaftar sebagai SABK. Dari jumlah tersebut **dua (2) institusi tahfiz** telah berdaftar sebagai SABK iaitu Maahad Tahfiz Dar Ulum Al-Basriah, Beserah dan Maahad Tahfiz Quran Wal Ta'lim, Sungai Badak, Jerantut.

Pada masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia masih lagi membuka ruang dan peluang kepada sekolah-sekolah untuk berdaftar sebagai SABK.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6493

SOALAN:

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan pihak berkuasa khususnya PDRM dalam menghapuskan kumpulan kongsi gelap di negara ini, khususnya melalui OPS CANTAS dan OPS CANTAS KHAS.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pihak polis melancarkan Ops Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterisme di seluruh negara sehingga ke hari ini, ianya telah menunjukkan hasil yang positif di mana aktiviti kongsi gelap dan kegiatan gangsterisme telah dapat dibendung dan dikawal penglibatan kumpulan-kumpulan ini dalam aktiviti jenayah di seluruh negara. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 17.5 % daripada 370 kes kepada 305 kes dalam tempoh 201 hari operasi ini dilaksanakan sehingga 4 Mac 2014 yang lalu.

Secara keseluruhannya sepanjang Op Cantas dilaksanakan, seramai 2,161,219 orang telah dibuat pemeriksaan dan dari jumlah itu seramai 59,004 orang telah ditangkap. Daripada jumlah yang ditangkap terdiri daripada 25,585 berbangsa Melayu (24,333 (L) 1,252 (P)), berbangsa India 12,245 (11,964 (L) 221 (P)), 7,458 berbangsa Cina (6,997 (L) 461 (P)) dan 13,716 terdiri daripada lain-lain bangsa (11,473(L) 2,243 (P)).

Selain itu kejayaan lain yang diperolehi oleh pihak polis adalah berjaya membuat rampasan sejumlah 1,981 pelbagai jenis senjata api dan senjata berjadual. Pihak polis mempercayai senjata api dan senjata berjadual yang dirampas itu digunakan oleh kumpulan berkenaan untuk melakukan jenayah. Pihak polis juga telah merampas sejumlah 1,386 jenis kenderaan yang digunakan untuk melakukan jenayah atau yang diperolehi melalui aktiviti jenayah mereka atau kenderaan yang dicuri.

Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 30,438 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi ini dijalankan, daripada jumlah tersebut sebanyak 6,669 kes telah dituduh di mahkamah, 22,471 kes masih lagi dalam siasatan dan 1,928 kes tiada tindakan diambil.

Pihak Polis akan meneruskan ops cantas secara berterusan sehingga perasaan *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat di kurangkan.

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nilai peruntukan kewangan yang telah disalurkan kepada badan bukan Kerajaan yang dikenali sebagai PERKASA sejak penubuhan dan tujuan peruntukan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri tiada menyediakan peruntukan khusus kepada pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Walaubagaimanapun, sedikit peruntukan disediakan untuk membantu badan tersebut mengadakan seminar '**TRANSFORMASI EKONOMI ANTARA KAUM DAN BANGSA TERAS SEBAGAI ASAS PERPADUAN RAKYAT**' telah diberikan dan program ini telah dihadiri dan memberi manfaat kepada 5000 peserta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran]
TARIKH : 13.3.2014
SOALAN :

Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk mendaftarkan Lembaga Pengurusan serta pertukaran Guru Besar Sekolah Mubaligh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 88 hingga seksyen 97 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan tentang pendaftaran ahli Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Kaedah pendaftaran tersebut ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997. Berpandukan kepada peruntukan-peruntukan perundangan tersebut dan bagi memastikan proses pendaftaran dilaksanakan dengan licin, kemas dan teratur, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengguna pakai prosedur pendaftaran seperti berikut:

1. Urusan pendaftaran ahli lembaga pengelola perlu diuruskan oleh Guru Besar yang bertindak sebagai setiausaha lembaga.
2. Borang permohonan pendaftaran dan dokumen sokongan dikemukakan kepada Pendaftar Sekolah dan Guru (Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri) bersama-sama surat iringan Guru Besar.

3. Borang pendaftaran LPS perlu dilengkapi dengan dokumen sokongan yang diperlukan seperti salinan butiran peribadi, sesalinan minit mesyuarat lembaga yang mencalonkan pemohon sebagai ahli lembaga dan sesalinan surat cara pengelolaan yang telah didaftarkan oleh Pendaftar Sekolah dan Guru.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) statistik penjawat awam yang memiliki rumah sendiri dan juga yang belum memiliki rumah sendiri dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2009 sehingga 2013; dan

(b) sama ada projek perumahan seperti PR1MA yang dilancarkan berjaya meningkatkan pemilikan rumah sendiri di kalangan penjawat awam, dan nyatakan setakat manakah keberkesanannya.

JAWAPAN

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawapan : HLD

Statistik bilangan penjawat awam yang memiliki rumah sendiri melalui pembiayaan Bahagian Pinjaman Perumahan (HLD) bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

TAHUN	STATISTIK BILANGAN PENJAWAT AWAM
2009	38058
2010	37097
2011	38391
2012	43185
2013	44219

Jawapan : PR1MA

Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada semua individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM7,500. Program PR1MA yang khusus untuk golongan berpendapatan sederhana ini telah menarik minat ramai termasuk penjawat awam untuk memiliki rumah. Ini adalah kerana harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran terkini rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut. Secara amnya, harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) kedudukan, prestasi dan pulangan pelaburan 1MDB sebanyak US\$2.318 bilion yang diuruskan oleh sebuah syarikat "segregated portfolio" di Cayman Island; dan

(b) apakah nama dan alamat, siapakah pemilik dan pengurus dana syarikat "segregated portfolio" ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dana sebanyak USD2.3 bilion merupakan pulangan ke atas pelaburan usaha sama 1MDB dan PetroSaudi International Limited. Berdasarkan kepada kadar pulangan sebanyak 5.76% setahun, jumlah pulangan yang diterima 1MDB adalah sebanyak USD134 juta atau bersamaan RM430 juta setahun mengikut kadar pertukaran mata wang semasa.

1MDB telah melantik syarikat pengurus dana berlesen antarabangsa yang berdaftar di Kepulauan Cayman untuk tujuan pelaburan hasil pulangan ini.

Pengurus-pengurus dana ini mengguna pakai strategi "*absolute return*" di mana objektif utama pelaburan ialah untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang dan/atau pendapatan tetap melalui pelaburan di dalam syarikat tersenarai/tidak tersenarai dalam bursa-bursa saham.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**

**TARIKH : 13.03.2014
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kenapa Mej Zaidi Ahmad di dakwa atas laporan beliau tentang dakwat kekal bermasalah memandangkan Pengerusi SPR sendiri mengakui bahawa dakwat kekal memang bermasalah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pertuduhan terhadap Mej Zaidi Ahmad TUDM adalah di atas kesalahan tidak mematuhi perintah-perintah tetap dan melanggar Akta Angkatan Tentera 1972.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN WILSON UGAK KUMBONG**
[HULU RAJANG]
TARIKH : **13.03.2014 (KHAMIS)**

TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan senarai syarikat pengedar barang-barang bersubsidi di kawasan Parlimen Hulu Rajang dan apakah kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi oleh syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah melantik 6 *transporters* bagi menjalankan tanggungjawab membekal dan mengedar barang bersubsidi di kawasan Parlimen Hulu Rajang:

- a) Program Pengedaran & Penyeragaman Harga Barang Perlu sebanyak 3 syarikat;
- b) Program Pengedaran & Penyeragaman Harga *Community Drumming* (Petrol & Diesel) sebanyak 2 syarikat; dan
- c) Program Pengedaran & Penyeragaman Harga Gas Petroleum Cecair (LPG) sebanyak 1 syarikat.

Garis panduan asas perantikan *transporters*:

- i) *Transporter* yang dipilih adalah *transporter* tempatan yang mahir dengan selok-belok kawasan pengedaran;
- ii) *Transporter* mempunyai kemudahan logistik (pengangkutan yang bersesuaian mengikut keadaan kawasan pengedaran, stor penyimpanan) dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan projek ini;
- iii) Syarikat adalah diwajibkan untuk membuat lawatan sendiri ke semua *Point of Sales* (POS) untuk mendapatkan gambaran sebenar kawasan pengedaran; dan

- iv) *Transporter* telah mengenalpasti peruncit *Point of Sales* (POS) sedia ada yang berpotensi menyertai projek dan mempunyai lesen runcit barang kawalan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status projek perintis TASKA OKU yang dijanjikan dalam bajet 2013, adakah ia sudah dilaksanakan dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan amat prihatin akan kesejahteraan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Sehubungan itu, pelbagai program dilaksanakan bagi membolehkan golongan OKU dapat menikmati kemakmuran negara serta hidup secara inklusif bersama anggota masyarakat yang lain.

Salah satu program yang telah dimasukkan dalam Bajet 2013 ialah pembinaan 6 buah TASKA OKU yang melibatkan peruntukan berjumlah RM3 juta. Sukacita saya maklumkan bahawa kesemua TASKA OKU ini telah ditubuhkan dan mula beroperasi seperti berikut:

a) TASKA OKU Down Sindrom

TASKA ANISD ini yang dikendalikan oleh Persatuan Sindrom Down Malaysia, telah dibuka di Presint 11, Putrajaya dan mula beroperasi pada 1 Julai 2013;

b) TASKA OKU Fizikal

TASKA Mesra Cheshire dikendalikan oleh Persatuan Rumah Amal Sabah (Sabah Cheshire Home) telah dibuka di Likas, Sabah dan mula beroperasi pada 11 November 2013;

c) TASKA OKU Masalah Pembelajaran

TASKA Semangat Maju Ipoh dikendalikan oleh Persatuan Untuk Insan Bermasalah Intelek Perak telah dibuka di Kampung Tawas, Ipoh dan mula beroperasi pada 6 Januari 2014;

d) TASKA OKU Autisme

TASKA Autism dikendalikan oleh Persatuan Autisme Sibul, telah dibukan di Sibul, Sarawak dan mula beroperasi pada 2 Januari 2014;

e) TASKA OKU Masalah Pendengaran

TASKA Istika Jaya dikendalikan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia telah dibuka di Bandar Puchong Jaya dan mula beroperasi pada 6 Januari 2014; dan

f) TASKA OKU Penglihatan

TASKA St. Nicholas ini dikendalikan oleh St. Nicholas' Home, Pulau Pinang dan mula beroperasi pada 6 Januari 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6494

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai pekerja asing yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing setakat ini dan berapa yang diberi permit kerja mengikut negeri serta apakah kesan kepada '*work force*' di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang telah diusir bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 4 Mac 2014 adalah seramai 9,185 orang. Manakala, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 31 Januari 2014 adalah seramai 2,099,632 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Merujuk kepada statistik warga asing yang bekerja di negara ini secara tidak sah yang telah dihantar pulang dan statistik PLKS aktif jelas menunjukkan bahawa tiada kesan ketara kepada '*work force*' di negara ini. Ini kerana Kerajaan melalui Agensi Kawal Selia telahpun mengenalpasti sektor-sektor mendesak atau kritikal yang memerlukan pekerja asing dan majoriti keperluan tersebut telahpun diisi. Malahan pada masa ini selain guna tenaga asing, Kerajaan masih mengutamakan guna tenaga tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]
TARIKH : 13 MAC 2014
SOALAN :

YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) Adakah Kementerian sedar mengenai kegagalan Kementerian dalam memastikan hospital awam memenuhi permintaan rakyat secara efektif biarpun dengan peruntukan, sehingga menyebabkan rakyat terpaksa menunggu lama, ataupun terpaksa mendapat rawatan perubatan di hospital swasta dan kemudian menanggung kos perubatan yang tinggi; dan
- (b) Perkembangan terkini dan status secara terperinci tentang kajian skim 1Care dan bilakah Kerajaan akan melaksanakan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin dan sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan kos efektif kepada pesakit yang memerlukan perawatan di fasiliti KKM. Walau bagaimanapun, KKM menyedari bahawa terdapat kekangan dalam memenuhi permintaan rakyat dari segi kekurangan peruntukan, sumber manusia dan prasarana serta peralatan perubatan, terutamanya, untuk memenuhi permintaan pesakit yang sentiasa meningkat setiap tahun dan telah pun menyebabkan keadaan sesak di beberapa buah hospital pakar Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2011, jumlah kedatangan pesakit di Klinik Pakar adalah sebanyak 6,807,243 lawatan berbanding 6,458,492 lawatan pada tahun 2010. Manakala, jumlah kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan pula pada tahun 2011 adalah sebanyak 7,143,433 berbanding 6,775,712 lawatan pada tahun 2010. Bilangan pesakit dalam pada tempoh yang sama juga telah meningkat iaitu 2,152,919 pada tahun 2011 berbanding 2,121,306 pada tahun 2010.

Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan kesesakan di hospital dan memastikan hospital awam sentiasa memenuhi permintaan rakyat adalah :

1. Menambah bilangan katil pesakit dengan membangunkan lebih banyak hospital. Sebanyak **22** buah hospital baru dan gantian telah siap dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dengan pertambahan sebanyak **6,258** buah katil pesakit. Bagi Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak **18** buah hospital baru dan gantian telah dirancang (5

buah hospital telah siap dibina), dengan jumlah pertambahan sebanyak **lebih daripada 3,178** buah katil.

2. Mempertingkatkan bilangan pakar dan Pegawai Perubatan di hospital-hospital KKM. Bilangan Pegawai Perubatan KKM telah meningkat kepada **27,478** orang pada tahun 2012 berbanding **22,429** Pegawai Perubatan pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **3,425** orang adalah pakar yang terlatih dalam bidang kepakaran masing-masing pada tahun 2012, berbanding **2,958** orang pakar pada tahun 2010.
3. Menaiktaraf peralatan perubatan secara berfasa, di mana peralatan dengan teknologi terkini sebagai contoh *CT Scan* dibekalkan di hampir kesemua hospital pakar yang mempunyai pakar radiologi iaitu 42 buah hospital dari 46 buah hospital telah dibekalkan *CT Scan*.
4. Sebanyak 33 buah hospital telah melaksanakan perkhidmatan pembedahan hari Sabtu bertujuan mengurangkan masa menunggu pembedahan terutamanya kes-kes pembedahan elektif dan memenuhi keperluan pesakit yang semakin ramai.
5. Untuk mengurangkan tempoh menunggu di hospital pelbagai inisiatif telah dimulakan seperti:-
 - a. Memperkenalkan sistem temujanji secara berperingkat (*staggered*) bagi kes-kes kronik dan pesakit perlu hadir di klinik 30 minit sebelum temujanji;

- b. Bagi kes-kes ulangan, rekod perubatan pesakit disediakan terlebih dahulu sebelum tarikh temujanji;
 - c. "*Redeployment of doctors*" ke klinik-klinik pada waktu puncak;
 - d. Memberi temujanji berasingan untuk ujian darah iaitu 1-2 minggu sebelum tarikh temujanji berjumpa Pegawai Perubatan; dan
 - e. Memanjangkan waktu operasi klinik selepas waktu pejabat di mana klinik ini akan beroperasi hingga jam 9 malam atau 12 malam untuk pesakit luar.
6. Mengurangkan keperluan bagi rawatan secara pesakit dalam dengan mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan Rawatan Harian ke hospital-hospital seluruh Negara. Sebagai contoh, Pusat Rawatan Ambulatori (Rawatan Harian) telah dibangunkan di 7 buah hospital.
7. Menggalakkan Pakar Perubatan dari Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta memberikan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital KKM tanpa pakar termasuklah yang berada di kawasan luar bandar, di mana penuntut-penuntut perubatan mereka menjalani latihan. Contohnya, kerjasama Hospital Tapah dengan Universiti Tuanku Abdul Rahman dan Hospital Tanjong Karang dengan Kolej Universiti MAHSA. Ini akan mengurangkan jumlah rujukan pesakit ke Hospital Berpakar KKM dan juga membantu mengurangkan kesesakan di Hospital tersebut dan memberi

peluang kepada rakyat mendapatkan perkhidmatan kepakaran berdekatan dengan tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, berkaitan 1Care, cadangan ini masih lagi di peringkat konsep. Sehingga kini, masih belum ada sebarang keputusan muktamad yang dibuat mengenai model sistem kesihatan baru yang akan digunakan untuk Negara ini termasuk model pembiayaan kesihatan. Pelbagai aspek persediaan mengenai 1Care sedang diperincikan dengan mengambilkira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). Usaha ini merupakan satu proses yang dinamik dan interaktif. Hasil perbincangan perlu diteliti rapi dan jika perlu, perubahan akan dibuat dari semasa ke semasa.

Namun demikian, KKM sentiasa berusaha untuk mentransformasikan sistem kesihatan Negara supaya ia turut maju seiring dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara berpendapatan tinggi. Beberapa langkah pro-aktif ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat sedang diusahakan untuk dilaksanakan dalam jangka masa terdekat:

- (a) Memberi keutamaan hala tuju KKM bagi tahun 2014 ke arah pencegahan penyakit dan mengekalkan tahap kesihatan untuk menjadikan rakyat yang lebih sihat dengan memberi fokus kepada pengukuhan penjagaan kesihatan primer;
- (b) Disebabkan isu kesesakan di fasiliti kesihatan Kerajaan, terdapat keperluan untuk melihat semula proses kerja di

semua fasiliti tersebut dengan mengoptimumkan sumber tenaga kerja yang ada untuk penyampaian sistem kesihatan yang lebih baik dan memupuk perkongsian awam-swasta;

- (c) Membangunkan Pelan Induk Sumber Manusia Kesihatan dengan mengenalpasti keperluan latihan, pendidikan dan bekalan bagi mengatasi masalah penempatan dan keperluan sumber manusia untuk kesihatan;
- (d) Menyediakan Pelan Induk Infrastruktur bagi mengatasi masalah kesesakan di hospital;
- (e) Memperkasakan individu dan komuniti ke arah penjagaan kesihatan yang lebih baik;
- (f) Memperkukuhkan penjagaan domisiliari; dan
- (g) Memperkukuhkan keselamatan dan kualiti makanan & persekitaran sihat.

Di samping itu, KKM juga sedang mengkaji semula caj bayaran rawatan warga asing di hospital Kerajaan, di mana mereka akan dikenakan bayaran mengikut kadar kos sebenar seperti mana yang diputuskan semasa Mesyuarat Majlis Ekonomi. Langkah tersebut dijangka akan dapat menjimatkan perbelanjaan perubatan Negara sehingga RM100 juta setahun.

Adalah diharapkan menerusi kesemua langkah tersebut sistem kesihatan di Negara ini akan lebih berdaya saing serta dapat memenuhi keperluan rakyat di Negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' ABD AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR

TARIKH: 13 MAC 2014

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian untuk IPTA di seluruh Malaysia yang melahirkan lebih 100 ribu graduan setiap tahun dan lebih kurang 24 ribu graduan tidak bekerja. Apakah Kementerian sedar akan hal ini dan adakah Kementerian ada melaksanakan apa-apa inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini.

PR-1321-L60959

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil langkah berterusan bagi membantu mereka yang mencari pekerjaan termasuk golongan siswazah. Antara program yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu para siswazah yang menganggur ini mendapat pekerjaan

adalah melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

2. Pada tahun 2013, sebanyak 230,099 orang pencari kerja telah dibantu mendapatkan pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 56,646 (24.62%) adalah golongan siswazah. Pencapaian Program Penempatan Pekerjaan (3P) mengikut aktiviti berdasarkan bilangan siswazah dan bukan siswazah yang berjaya ditempatkan pada tahun 2013 seperti Jadual 1.

Jadual 1: Pencapaian Program Penempatan Pekerjaan (3P) Mengikut Aktiviti Berdasarkan Bilangan Siswazah Dan Bukan Siswazah Yang Berjaya Ditempatkan Pada Tahun 2013

Bil	Aktiviti	Penempatan		Jumlah	%
		Siswazah	Bukan Siswazah		
1	Penempatan Melalui <i>Client Account</i>	15,464	44,614	60,078	26.2
2	Portal JobsMalaysia	4,218	30,522	34,740	15.2
3	Temuduga Terbuka	5,798	18,692	24,490	10.6
4	Penempatan Dengan Kerjasama Agensi Pekerjaan Swasta (APS)	8,815	9,267	18,082	7.85
5	<i>Night Career Fair</i> (NCF)	5,921	12,135	18,056	7.85
6	Intergrasi Sektor Awam (SPA/SPP)	4,398	13,252	17,650	7.6
7	Penempatan Separa Masa	672	16,149	16,821	7.3
8	Karnival Pekerjaan	4,895	9,462	14,357	6.2
9	Penempatan Melalui Kerjasama Agensi Lain	4,939	7,969	12,908	5.7
10	Program Khas	292	6,459	6,751	2.9
11	<i>Employability Programme</i>	971	2,342	3,313	1.4
12	<i>Holiday Placement For Students</i> (HOPS)	263	2,590	2,853	1.2
Jumlah		56,646	173,453	230,099	
%		24.62	75.38		100

Sumber: JobsMalaysia

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan juga menyediakan satu perkhidmatan pencarian dan pepadanan pekerjaan secara atas talian yang dikenali sebagai Portal JobsMalaysia di bawah seliaan KSM. Para siswazah adalah digalakkan mendaftar sebagai pengguna portal JobsMalaysia supaya peluang mereka memperoleh pekerjaan dapat dipertingkatkan. Melalui perkhidmatan ini, permohonan oleh siswazah akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pengalaman kerja.

4. Kerajaan juga ada melaksanakan skim-skim latihan khusus untuk siswazah dalam usaha mempertingkatkan tahap kebolehpasaran graduan melalui agensi yang tertentu. Antaranya:

(i) SL1M (Skim Latihan 1Malaysia (EPU))

SL1M adalah program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (employability) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang melaksanakan program SL1M sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Ia terbuka kepada warganegara Malaysia berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan ke atas dari universiti diiktiraf yang tidak mendapat pekerjaan selepas 6 bulan menerima ijazah atau selepas menerima transkrip keseluruhan

peperiksaan. Graduan mestilah berdaftar di JobsMalaysia.

(ii) The Graduate Employability Management Scheme (GEMS) – TalentCorp

Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS) ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan bagi melengkapkan siswazah dengan kemahiran dan pengalaman yang bernilai komersial yang seterusnya akan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Skim ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memobilisasikan modal insan tempatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Terbuka kepada siswazah warganegara Malaysia yang mempunyai ijazah yang diiktiraf dan memperoleh Purata Gred Nilai Kumulatif (PGNK) minimum 2.0 atau setaraf dengannya. Berumur 27 tahun ke bawah serta sanggup untuk ditempatkan di mana-mana pusat latihan dan menjalani latihan praktikal di mana-mana organisasi yang akan ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan akan diteruskan oleh pihak Kerajaan menerusi pelbagai program yang telah dan akan dilaksanakan. Menerusi program-program ini, golongan graduan berpeluang untuk mempeluaskan serta melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran bersesuaian dengan keperluan semasa industri bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka.

6. Usaha kerajaan melalui *re-skilling*, dan *upskilling* dijangka dapat meningkatkan tenaga mahir dari 28% pada masa sekarang kepada 33% pada tahun 2015 dan 50% pada tahun 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. TUAN FONG KUI LUN**
(BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **13.03.2014**

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah penjimatan perbelanjaan negara yang berjaya diamalkan oleh Kerajaan bagi setiap sektor sepanjang 5 tahun lalu dan apakah halangan yang dihadapi untuk menjayakannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif dalam melaksanakan langkah-langkah penjimatan dalam perbelanjaan negara bagi setiap sektor dan keseluruhan aspek kewangan Kerajaan

secara amnya.

2. Antara langkah-langkah penjimatan dalam perbelanjaan negara yang telah diamalkan oleh Kerajaan bagi mengawal perbelanjaan adalah seperti berikut:

(i) Memantapkan dan mengurangkan perbelanjaan awam menerusi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2008. Langkah-langkah yang telah digariskan dalam pekeliling-pekeliling tersebut merangkumi kawalan perbelanjaan bagi perjalanan di dalam dan luar negara, penggunaan utiliti, penganjuran majlis dan seminar/kursus/mesyuarat dan lain-lain lagi.

(ii) Memperkenalkan Pengurusan Nilai atau *Value Management* dalam Rancangan Malaysia Ke10 sebagai alat pengurusan dalam pelaksanaan program/projek pembangunan Kerajaan bernilai RM50 juta dan ke atas melalui Pekeliling Unit

Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 Tahun 2009.

(iii) Kerajaan juga melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012 Bajet Berasaskan *Outcome* telah memperkenalkan Bajet Berasaskan *Outcome* (OBB) sebagai alat pengurusan strategik yang bertujuan untuk menambah baik reka bentuk dan operasi di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS).

(iv) Di bawah pelaksanaan OBB juga, Kementerian/jabatan/agensi telah diminta untuk menilai dan menyusun semula program/aktiviti/projek sedia ada. Sekiranya terdapat program/aktiviti/projek yang tidak menyumbang kepada *outcome* Kementerian, maka program/aktiviti/projek tersebut perlu dikaji semula agar sumber manusia mahupun sumber kewangan yang diagihkan dapat digunakan secara optimum.

(v) Melantik Bank Dunia untuk menjalankan kajian *Public*

Expenditure Review (PER) pada tahun 2011 yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan sektor awam. Skop kajian PER meliputi empat (4) sektor utama iaitu pendidikan, pengajian tinggi, kesihatan dan perlindungan sosial serta dua sektor *cross-cutting* iaitu pengurusan perkhidmatan awam dan pengurusan kewangan awam.

(vi) Melaksanakan perolehan Kerajaan melalui eBidding yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan di bawah sistem ePerolehan. eBidding membolehkan bekalan/perkhidmatan tertentu diperolehi daripada pembekal dengan lebih cepat, kos efektif serta menyediakan platform kepada pembekal bersaing secara interaktif dengan menawarkan harga tawaran terbaik yang menguntungkan Kerajaan.

(vii) Menyediakan peruntukan yang optimum melalui pemeriksaan belanjawan yang lebih ketat dengan mengkaji semula peruntukan sedia ada dan mengenal pasti penjimatan

dalam kementerian/jabatan/agensi sebelum menyediakan peruntukan baharu.

(viii) Menetapkan agar penyusunan semula struktur organisasi hendaklah berfokus kepada fungsi teras agensi, manakala perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras perlu dikenal pasti untuk dialih daya selaras dengan matlamat penggunaan sumber yang optimum serta mengurangkan kos operasi perkhidmatan awam.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara halangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam menjayakan perkara ini adalah menguruskan pengagihan peruntukan kewangan bagi memenuhi kehendak rakyat yang berubah berdasarkan persekitaran ekonomi semasa yang turut melibatkan perubahan dalam dasar Kerajaan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG
KAWASAN : AYER HITAM
TARIKH : 13 MAC 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATUK IR. DR. WEE KA SIONG (AYER HITAM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 akan dipinda di Parlimen. Apakah status terkini mengenai pendaftaran profesion "Teknologis" ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf pindaan Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 sedang dalam peringkat akhir semakan Jabatan Peguam Negara sebelum ia dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Rang Undang-Undang tersebut dijangka akan dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini (Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen ke-13). Berhubung dengan profesion *Technologist*, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Jurutera Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah bersetuju supaya ianya dimasukkan di dalam pindaan Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 dan Rang Undang-Undang Malaysia Board of Technologist (MBOT) yang akan dibentangkan nanti.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan R. Sivarasa [Subang]**
TARIKH : **13.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang ada di seluruh negara, serta menyatakan peningkatan atau pengurangan bilangan sekolah masing-masing tersebut dalam tempoh 5 tahun sejak tahun 2010 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di seluruh negara adalah sebanyak 1,294 dan 523 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Bilangan SJKC bertambah sebanyak empat (4) buah sekolah dari tahun 2010 hingga Januari 2014 iaitu dari 1,291 buah sekolah kepada 1,294 buah sekolah. Manakala bilangan SJKT kekal sebanyak 523 dari tahun 2010 hingga Januari 2014.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**
TARIKH : **13 MAC 2014 (KHAMIS)**
SOALAN : **Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menarik balik diesel bersubsidi kepada kapal nelayan C dan C2. Berapakah jumlah kapal nelayan dari negara asing mendapatkan lesen untuk menangkap ikan di perairan negara kita.

JAWAPAN OLEH : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia memang bercadang untuk memansuhkan subsidi diesel kepada vesel perikanan terutama yang beroperasi di Zon B, C dan C2. Pemansuhan ini akan dilaksanakan selaras dengan penstrukturan semula kadar bantuan dan subsidi nelayan dibawah langkah rasionalisasi subsidi kerajaan.

Sehingga kini, sebanyak 510 buah vesel laut dalam yang berasal dari luar negara telah diberikan lesen untuk menangkap ikan di perairan negara kita. Namun begitu, kesemua vesel tersebut adalah milik penuh warganegara Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6495

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan Lembaga Penapisan Filem terhadap filem buatan tempatan "*The New Village*". Kenapakah filem tersebut masih belum ditayangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Filem “*The New Village*” pada asalnya telah diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) pada 11 September 2012 untuk tayangan dengan klasifikasi P13 iaitu klasifikasi di mana kanak-kanak yang berumur 13 tahun dan ke bawah boleh menonton dengan bimbingan ibu bapa/ penjaga.

Filem tersebut telah dijadualkan untuk ditayangkan di pawagam-pawagam di seluruh negara pada 22 Ogos 2013. Walau bagaimanapun, ekoran terdapatnya aduan-aduan dan bantahan-bantahan dari pelbagai pihak, maka LPF telah mengkaji semula kelulusan yang telah diberikan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, aduan-aduan dan bantahan-bantahan yang dibangkitkan terhadap penayangan filem ini adalah kerana kandungan filem ini dikatakan mengagungkan Parti Komunis Malaya dan cuba mengangkat anggota gerila Parti Komunis Malaya sebagai hero yang menentang penjajah British, menggambarkan kezaliman Kerajaan pada masa itu iaitu (British) dan tidak langsung menunjukkan kekejaman Parti Komunis Malaya.

Dengan itu, filem ini dikatakan mempunyai mesej yang tersirat iaitu untuk mengubah fakta sejarah dengan mengagung-agungkan

perjuangan pengganas komunis sebagai pejuang kemerdekaan negara.

Pihak Lembaga Penapis Filem telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengeluar filem tersebut dan hasil daripada perbincangan, pihak pengeluar filem bersetuju untuk mengolah semula filem tersebut supaya ianya tidak menggambarkan sebarang unsur-unsur sepertimana dibangkitkan di dalam aduan dan bantahan-bantahan seperti yang telah dinyatakan di atas.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pengeluar filem telah pun mengolah semula filem "*The New Village*" dan telah dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem pada 24 Februari 2014 bagi tujuan '*preview*' iaitu untuk mendapatkan komen dan maklum balas awal Lembaga.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Aaron Ago anak
Dagang [KANOWIT]**

TARIKH : 13.03.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 56

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan kesemua projek kemudahan asas (seperti jalan, bekalan air dan elektrik, hospital, klinik, sekolah dan lain-lain) di bawah NKRA bagi negeri Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bermula tahun 2010 sehingga **31 Disember 2013**, pencapaian **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pembangunan Luar Bandar** melalui **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** bagi negeri **Sarawak** adalah seperti berikut:

- i. Program Jalan Luar Bandar (**JALB**) sepanjang **1,100.87km**;
- ii. Program Bekalan Air Luar Bandar (**BALB**) kepada **79,988 buah rumah**;
- iii. Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (**BELB**) kepada **57,197 buah rumah**;
- iv. Program Bantuan Rumah (**PBR**) sebanyak **21,973 buah rumah**.

Selain itu, terdapat **dua (2) program tambahan yang diperkenalkan di bawah pelaksanaan *Government Transformation Programme (GTP 2.0)***

pada tahun 2013 menerusi NKRA Pembangunan Luar Bandar yang telah selesai dilaksanakan iaitu:

- i. **Program Penyelenggaraan Jalan** sepanjang **244km**; dan
- ii. **Sebanyak 3 kampung** di negeri Sarawak yang telah terlibat di dalam **Program Desa Lestari** iaitu Kampung Tanjung Parang (Kota Samarahan), Kampung Telian (Mukah) dan Kampung Stass (Bau).

Manakala pembinaan sekolah, hospital dan klinik adalah tidak termasuk dalam pelan pelaksanaan NKRA Pembangunan Luar Bandar. Kerajaan akan terus berusaha memastikan pelaksanaan projek-projek NKRA dapat disiapkan mengikut jadual dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan khas tahunan Parlimen diberikan kepada kesemua 222 Ahli Parlimen dan kepada siapakah peruntukan khas ini disalurkan di-kawasan-kawasan Parlimen yang dikuasai oleh ahli-ahli Parlimen pembangkang.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri disediakan bagi **semua kawasan Parlimen di seluruh negara** dengan agihan peruntukan antara **RM0.3 juta hingga RM1.5 juta**. Jumlah ini bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Peruntukan tersebut dibelanjakan untuk faedah rakyat dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri (JPP/PPN) berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dan prosedur Kewangan Kerajaan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)
SOALAN : 58

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- a) kos ekspedisi 15 hari ke Antartika yang dianjurkan oleh Kementerian dengan kerjasama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM); dan
- b) senaraikan nama peserta-peserta dan jawatan mereka yang menyertai rombongan tersebut dan rasional mereka sertai rombongan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Satu delegasi seramai 8 orang peserta daripada Malaysia telah menyertai Ekspedisi Saintifik ke Antartika ke-50 anjuran Institut Penyelidikan Antartika Chile (INACH) dari 18 Januari sehingga 4 Februari 2014. Delegasi

Malaysia ini diketuai oleh YAB Dato' Seri Hj. Ahmad Bin Said, Menteri Besar Terengganu dan dianggotai oleh :

- i. YBhg. Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (mewakili YB. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi);
- ii. YBhg. Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor, Pengerusi Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MARP);
- iii. Tuan Yang Terutama En. Ganeson Sivagurunathan, Duta Besar Malaysia ke Chile;
- iv. YBhg. Prof. Dato' Dr. Azizan Abu Samah, Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC);
- v. YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman, Pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (atas jemputan YAB Menteri Besar Terengganu);
- vi. En. Mohd Nasaruddin Abd. Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM); dan
- vii. En. Azman Ghani, Setiausaha Sulit Kanan Menteri Besar Terengganu.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu telah memberi sokongan padu kepada Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MARP) dengan menyumbang sejumlah RM2 juta kepada Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) semasa majlis pelancaran YPASM pada bulan Julai 2012. Kehadiran YAB Menteri Besar Terengganu dalam ekspedisi ini adalah atas jemputan Duta Besar Chile ke Malaysia yang mana kepentingan negeri Terengganu di dalam YPASM

telah diwakili oleh Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah YPASM.

Penyertaan delegasi Malaysia dalam ekspedisi ini adalah untuk:-

- (i) memperkukuhkan kerjasama antara MARP dan YPASM dengan INACH khususnya bagi meningkatkan penyertaan saintis Malaysia dalam ekspedisi ini;
- (ii) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama penyelidikan Antartika antara INACH dan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC); dan
- (iii) melawat stesen-stesen penyelidikan di Antartika ke arah mempertimbangkan cadangan penubuhan stesen penyelidikan Antartika Malaysia-Chile.

Penglibatan delegasi Malaysia dalam ekspedisi ini melibatkan kos sebanyak RM 846,328.26 yang dibiayai oleh 3 pihak iaitu :

- i. YPASM sejumlah RM209,873.72 bagi kos penyertaan 5 orang peserta;
- i. Kerajaan Negeri Terengganu sejumlah RM239,254.54 bagi kos penyertaan 3 orang peserta; dan
- ii. INACH sejumlah RM397,200.00 iaitu pada kadar USD15,000.00 bagi setiap seorang delegasi Malaysia. Kos ini termasuk penginapan dan makan di atas kapal sepanjang ekspedisi, kos perjalanan kapal dan kemudahan bot serta kakitangan sokongan bagi melawat beberapa buah stesen penyelidikan di Antartika.

Secara puratanya kos yang dibiayai oleh YPASM dan Kerajaan Terengganu bagi setiap delegasi Malaysia adalah sebanyak RM 56,141.00.

Secara ringkasnya, Kerajaan Malaysia adalah komited untuk meneruskan program penyelidikan di Antartika demi kepentingan saintifik dan strategik untuk Malaysia mengekalkan kehadiran di benua ini. Program Penyelidikan Antartika Malaysia telah mencapai beberapa kejayaan dan telah meletakkan nama Malaysia setanding dengan negara maju dari segi sumbangan terhadap kemajuan sains dan teknologi di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]**
TARIKH : **13.3.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) di tapak milik Kerajaan Persekutuan (yang kini tanahnya dimiliki Pesuruhjaya Tanah Persekutuan) di Lembah Maju, Ampang Jaya dan bilakah pembinaan sekolah ini akan bermula.

(58)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkenaan status tapak untuk pembinaan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di tapak milik Kerajaan Persekutuan (yang kini tanahnya dimiliki Pesuruhjaya Tanah Persekutuan) di Lembah Maju, Ampang Jaya telahpun selesai. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju memajakkan sebahagian daripada tapak SK Lembah Maju ini bagi tujuan perpindahan SJKC Chung Hua, Batu 18, Cheras ke Lembah Maju. Walau bagaimanapun, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, bagi sekolah kategori bantuan modal, kerja-kerja pembinaan hendaklah diuruskan sendiri oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)
DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]

SOALAN :-

Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) apakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan penduduk di rumah flat agar setiap satu keluarga mampu memiliki satu rumah; dan
- (b) berapakah jumlah keluarga yang masih tidak memiliki rumah di seluruh negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah di seluruh negara. Sehingga kini, Kementerian telah menyiapkan 72,076 unit dan 12,101 unit masih dalam pembinaan. Kementerian juga turut merancang untuk membina 18,453 unit bermula pada tahun 2014.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah keluarga atau isi rumah yang tidak memiliki rumah adalah sebanyak 21.3% yang merangkumi sejumlah 1,349,489 isi rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA (B) MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID [LUMUT]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 61

Laksamana Pertama (B) Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengiktiraf Kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping* yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan (PERHEBAT).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kursus *Standard of Training, Certification and Watchkeeping (STCW)* adalah kursus yang ditetapkan bagi membolehkan seseorang itu layak menjadi pelaut dan berkhidmat di atas kapal-kapal dagang. Piawaian kandungan kursus STCW ini adalah mengikut piawaian antarabangsa dan Malaysia di mana Jabatan Laut Malaysia adalah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengawal selia akreditasi kursus ini.

Jabatan Laut Malaysia telah mengiktiraf 34 buah institusi latihan maritim swasta yang menjalankan kursus STCW. Buat masa ini, PERHEBAT tidak menjalankan sendiri kursus STCW. Panel Penyedia Latihan PERHEBAT telah melantik tiga (3) institusi latihan maritim untuk melaksanakan kursus STCW bagi memenuhi permintaan daripada pesara Angkatan Tentera Malaysia dan anggota yang akan bersara.

Institusi latihan maritim yang dilantik PERHEBAT untuk menjalankan kursus STCW ini adalah:

- a. PELITA Academy, Kuala Kubu Baharu, Selangor;
- b. Niche Masterpiece Sdn. Bhd. (META), Sri Manjung, Perak; dan
- c. Akademi Laut Malaysia (ALAM), Kuala Sungai Baru, Melaka.

Ketiga-tiga institut tersebut adalah diiktiraf oleh Jabatan Laut Malaysia. Oleh yang demikian, isu pengiktirafan kursus STCW yang dijalankan oleh PERHEBAT adalah tidak berbangkit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

**TARIKH JAWAPAN : 13 MAC 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan keberkesanan SEDA ACT 46 berbanding dengan pencurian kabel terhadap syarikat utiliti serta Kerajaan Tempatan. Senaraikan jumlah penyabitian mahkamah di seluruh Sarawak mengikut kawasan dari tahun 2008 sehingga 2013

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) adalah pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atas dua akta iaitu Akta Tenaga Boleh Baharu 725 dan Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 726. Walau bagaimanapun, kedua – dua akta tersebut tidak diterimapakai di Negeri Sarawak.
2. Mengenai soalan yang berkaitan pencurian kabel terhadap syarikat utiliti serta Kerajaan Tempatan dan jumlah penyabit mahkamah di seluruh Sarawak, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Negeri Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 13.03.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan yang dicapai dalam segi membanteras “rasuah besar-besaran” sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri pada April 2009 dan jumlah serta nama-nama “jerung besar” yang didakwa dan disabit kesalahan kerana rasuah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM tidak pernah membezakan sesuatu kes samada kes itu besar ataupun tidak. SPRM sebagai sebuah agensi penguatkuasa sentiasa melaksanakan tugas menyiasat kes-kes rasuah tanpa mengira kedudukan, status dan fahaman politik seseorang individu.

Besar atau kecil sesuatu kes rasuah bergantung kepada impak buruk yang diterima oleh negara dan seluruh masyarakat akibat perlakuan rasuah tanpa mengira nilai rasuah yang terlibat samada kecil atau besar.

Namun begitu, tidak dinafikan terdapat beberapa kes yang menarik perhatian ramai kerana beberapa sebab, antaranya melibatkan individu yang berprofil tinggi, melibatkan kepentingan awam ataupun amaun yang besar. Antara kes-kes yang mendapat perhatian sejak penubuhan SPRM adalah:-

1. Pada 9.9.2013, Kolonel Dr. Kunaseegaran a/l Ragavabaidu, 50, Ketua Makmal Patologi di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Wangsa Maju dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah kerana meminta daripada pemilik sebuah syarikat swasta dan menerima suapan membabitkan wang sejumlah RM 700,000 sebagai upah bagi mencadangkan nama sebuah syarikat swasta

untuk menjadi pembekal ubat-ubatan dan perkakas pakai habis perubatan bagi hospital tersebut.

2. Pada 2.8.2013, Datuk Sarchu Sawal, yang ketika itu Ketua Pegawai Eksekutif KPF Quality Foods Sdn Bhd dan Datuk Tan Han Kook, yang ketika itu Pengarah KPF Quality, masing-masing dituduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang melibatkan RM30 juta.
3. Pada 5.7.2013, dua pegawai kanan Petronas Carigali Sdn. Bhd, iaitu Idris M. Shuhud, 47, dan Ishak Hashim, 47, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima rasuah bernilai RM426,000.
4. Dua ahli perniagaan dan seorang Pensyarah Kanan di sebuah Universiti tempatan menghadapi 20 tuduhan menggunakan dokumen palsu bagi memperolehi sejumlah RM 2.069 juta bayaran daripada Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Johor Bahru pada 27 Jun 2013.
5. Pertuduhan ke atas seorang penimbang tara bertauliah di Pulau Pinang pada 26 Jun 2013.
6. Seorang Pengarah Bahagian Jabatan Kerja Raya (JKR) Johor telah dituduh menyalahguna kuasa dalam pemberian kontrak bernilai RM230,800 kepada syarikat adiknya di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Johor Bahru pada 26 Jun 2013. Beliau didakwa

mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

7. Sindiket Penyeludupan Minyak Diesel ke Thailand di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah.
8. Pada 7 Disember 2012, bekas Pengarah Koperasi Permodalan Felda Quality (KPFQ), Datuk Tan Han Kook, 58, dan bekas Ketua Pegawai Operasi syarikat itu, Ching Siew Cheong, 50, dituduh atas 134 tuduhan menipu pegawai bank Malayan Banking Berhad dengan menggunakan dokumen palsu bagi permohonan tuntutan kemudahan 'Banker Acceptance' (BA) membabitkan lebih RM67 juta.
9. Pada 3 Oktober 2012, Prof Ir Dr Abdul Aziz Abdul Samad, bekas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM telah dituduh meminta dan menerima wang suapan bernilai RM15,000.00 daripada seorang kontraktor sebagai balasan untuk membantu kontraktor berkenaan mendapat projek dari Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Harta Bina UTHM. Wang tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi miliknya di salah sebuah bank tempatan.
10. Pertuduhan terhadap Zainal Rashid bin Zakaria, Pengurus Bahagian Pengurusan Program YPM dan Datuk Dr Abdul Shariff bin Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) YPM pada 16 April 2012. Kedua-dua tertuduh masing-masing menghadapi sembilan pertuduhan di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana menggunakan dokumen yang

mengandungi butiran palsu yang membabitkan wang berjumlah RM33,850.00 bagi setiap satu transaksi.

11. Pada 9 April 2012, Timbalan Pengarah Bahagian Kandungan & Penguatkuasa SKMM, Noor Mohamed Khan bin Mohamed Mastan telah dituduh bersubahat dengan isterinya Pengurus Akaun Strategik Comintel Sdn. Bhd., Suraya Hani binti Akmad Zaki dan Pengarah Urusan Inter Eclipse Sdn. Bhd., Noor Shidin bin Mohd Noor untuk menipu dan seterusnya meminta rasuah sebanyak RM250,000.00 daripada Ketua Pegawai Operasi Syarikat Siaga Informatics Sdn. Bhd. Rasuah tersebut adalah sebagai balasan membantu syarikat tersebut memperolehi surat penganugerahan bagi tender projek 'Mereka Bentuk, Melaksana, Menguji dan Pentauliahan Makmal Forensik Digital SKMM'.
12. Sindiket pemalsuan Perintah Pembahagian Harta Pusaka (Borang T) yang dilakukan oleh pegawai Amanah Raya Berhad (ARB). Berjumlah RM952,686.04 bagi pampasan tanah dibayar kepada seorang awam yang turut bersubahat dengan perbuatan pegawai tersebut dituduh pada 30.3.2012.
13. Pengarah Veterinar Memalsukan Dokumen Untuk Tujuan Kenaikan Pangkat dituduh pada 17.1.2012.
14. Pada 1 Julai 2011, SPRM telah menuduh Datuk Mohamad Daud Dol Moin, bekas Penolong Gabenor BNM atas dua pertuduhan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997, iaitu kerana kesalahan menerima wang suapan daripada Abdul Kayum berjumlah RM100,000 melalui dua transaksi berjumlah RM50,000

setiap satu. Sementara itu, Abdul Kayum pula telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah seksyen 11(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana kesalahan memberi wang suapan berjumlah RM100,000 (RM50,000 bagi setiap transaksi) kepada Datuk Mohamad Daud bagi memperoleh kontrak percetakan wang kertas polimer RM5 untuk NPAL.

15. Ops 3B yang dijalankan pada Mac dan April 2011 meningkatkan kutipan hasil cukai negara.
16. Pada 10 Februari 2011, Hasbie bin Satar, Bekas Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kewangan II telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).
17. Tangkapan dan pertuduhan telah dibuat terhadap Mohd Amin Suhaimi, 52 tahun, iaitu suami kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IIB atas tiga kesalahan meminta dan menerima suapan di bawah seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009, membabitkan nilai keseluruhan suapan RM1.6 juta. Tertuduh didakwa meminta dan menerima rasuah tersebut dengan tiga kali pembayaran antara RM316,900 hingga RM816,900 daripada syarikat Detect Engineering Sdn. Bhd., sebagai upah kononnya bagi membantu syarikat berkenaan mendapatkan tender Membina dan Menyiapkan Sekolah Berasrama Penuh di Daerah Johor Bahru yang bernilai RM40,845,000 daripada IIB.

18. Rasuah dan Kerugian Berbillion Ringgit di Sime Darby Berhad – 2 Pertuduhan ke atas Bekas Pengurus Kanan Kebolehan Marin, Sime Darby, 2 pertuduhan atas Pengurus Besar Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan Projek Antarabangsa, 1 pertuduhan Bekas Pengurus Besar Kanan Sime Darby Engineering dan 2 pertuduhan ke atas Bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad (SDB), Dato' Sri Ahmad Zubair @Ahmad Zubir Murshid.

19. Datuk Seri Mohamad Khir Toyo (Bekas Menteri Besar Selangor) pada 6.12.2010.

20. Bekas Eksekutif Akaun Pelanggan Serantau, syarikat telekomunikasi Alcatel Network (M) Sdn. Bhd. iaitu Radziah Ani. Beliau telah dihadapkan ke mahkamah dengan pertuduhan memberi suapan sebanyak RM25,000 kepada Penolong Pengurus Perolehan Telekom Malaysia (TM), Mohd Asri Idris pada 17 Februari 2006.

21. Datuk Mirza Mohammad Taiyab (Ketua Pengarah Tourism Malaysia), Rosly Selamat (Bekas Ketua Pegawai Eksekutif) dan Lim Kim Tye (Bekas Ketua Pengawal Kewangan - Pembangunan Pelancongan Nasional Sdn Bhd - PEMPENA).

22. YB Mustafa Bin Salim – Bekas Adun Lenggeng

23. YB Yap Soo Sun – Bekas Adun Teratai

24. YB Dato Abdul Rahman Bakri – MP Sepang (Tuduh 2009)

25. Timbalan Pendakwaraya Md Azar Irwan Ariffin

26. Majistret Mohd Firdaus Bin Ramlan

27. Peguam Ranjit Singh Karam Singh

28. Ahmadi@Ahmad Zukni Bin Johari (CEO PUNB)

29. Ketua Pegawai Operasi Kesas Sdn. Bhd, Ahmad Kamaruzzaman
Bin Abdullah

30. Pegawai Daerah Seberang Prai Tengah, Roslan Yahaya

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 64

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan kadet Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sekolah menengah seluruh negara bagi melahirkan generasi muda yang berdisiplin ketika berada di jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang dalam proses merangka pelaksanaan Kadet Jabatan Pengangkutan Jalan (K1JPJ). Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan mengenai pelaksanaan K1JPJ dan permohonannya telahpun mendapat kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Malaysia. K1JPJ dirancang untuk dilaksanakan secara berperingkat di semua sekolah menengah di seluruh negara. Pelaksanaan secara *pilot* akan dilaksanakan di sebuah sekolah terpilih bagi setiap negeri bermula April 2014.

Antara aktiviti K1JPJ yang dirancang untuk dilaksanakan adalah termasuk kawad kaki, ceramah/kuliah, latihan, lawatan, aktiviti sukan, kerohanian dan modul-modul berkaitan keselamatan jalan raya. Berdasarkan perancangan, pada peringkat awal pelaksanaan, latihan kepada pelajar-pelajar sekolah yang menyertai program K1JPJ akan dikendalikan oleh pegawai-pegawai JPJ. Namun begitu, terdapat cadangan supaya pada masa akan datang, guru-guru sekolah masing-masing menjadi pelatih K1JPJ.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan K1JPJ ini kelak, akan dapat memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan JPJ kepada orang awam khususnya pelajar-pelajar sekolah. Pelajar-pelajar sekolah yang menyertai

program ini akan diberi pendedahan dan didikan awal mengenai keselamatan dan peraturan-peraturan lalu lintas. Ini akan menerapkan disiplin diri yang kuat dalam mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas demi mengurangi kemalangan dan kematian di jalan raya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
TARIKH : 13.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan kos terlibat untuk melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan apakah jaminan Kementerian untuk menjaga kualiti pendidikan semua aliran sekolah secara adil tanpa diskriminasi.

JAWAPAN

Jawapan Serentak 12.3.2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6692

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah laporan polis dibuat, keterangan saksi diambil dan status terkini berhubung demonstrasi:-

- (a) menyumbat kangkung ke dalam mulut replika Perdana Menteri pada 15 Januari 2014 ; dan
- (b) 3,000 orang di Pulau Pinang yang terlibat dalam membawa banting 'Mahu lagi 13 Mei' dan seorang pemuda dipukul pada 18 Januari 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Bagi menjawab soalan (a), kertas siasatan berhubung dengan isu ini bermula apabila pengadu dalam kes ini telah melihat satu laman web akaun *Twitter* milik Lee Khai Loon yang memperlihatkan gambar suspek telah memasukkan kangkung ke dalam mulut replika Perdana Menteri. Siasatan telah dibuat berhubung Bukit Mertajam Repot 661/2014, Seksyen 500 Kanun Keseksaan. Sebanyak 12 keterangan saksi telah diambil dalam kes ini. Kertas Siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 21 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.

Bagi menjawab soalan (b), siasatan telah dibuat berhubung dengan bantahan yang dianjurkan oleh UMNO Pulau Pinang berhubung gambar di dalam akaun *Twitter* milik seorang lelaki penama Lee Khai Loon yang memasukkan kangkong ke dalam mulut replika Perdana Menteri. Himpunan yang dihadiri lebih kurang 1,000 orang terdiri daripada ahli dan pemimpin UMNO, NGO Perkasa dan penduduk setempat. Terdapat kain rentang yang tertulis “kerana mulut pemimpin DAP, 13 Mei 1969 terjadi.. mau lagi kaa”. Kertas Siasatan telah dibuka berkait Seberang Jaya Repot 454/2014, Seksyen 9 (1) Akta Perhimpunan Aman dan Seksyen 4 (1) Akta Hasutan. Kertas siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 25 Februari 2014 untuk nasihat dan pandangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pencerobohan bot Tentera Laut China memasuki perairan *James Shoal* di Laut China Selatan baru-baru ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keselamatan dan kedaulatan negara di Laut China Selatan. Dalam hubungan ini, sukacita memaklumkan bahawa Pasukan Keselamatan khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sentiasa melaksanakan rondaan dan pengawasan maritim secara berterusan dalam kawasan perairan negara di Laut China Selatan. Sebagaimana yang diketahui, Laut China Selatan adalah *semi-enclosed sea* yang dituntut oleh beberapa buah negara iaitu Brunei, Republik Rakyat China (RRC) (termasuk Taiwan), Malaysia, Filipina dan Vietnam. Dalam hubungan ini, pendirian negara berhubung dengan tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah:

Pendirian Pertama :

Malaysia berpendirian bahawa pertikaian yang berbangkit daripada tuntutan bertindih di Laut China Selatan wajar diselesaikan secara aman melalui perbincangan, dialog dan perundingan yang melibatkan negara-negara menuntut, atau *Claimant States*;

Pendirian Kedua :

Laut China Selatan dikelolakan *governed* di bawah perundangan antarabangsa khususnya, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982 dan negara-negara yang menuntut telah

menandatangani dan meratifikasi Konvensyen ini. Dengan demikian, Kerajaan berpendirian penyelesaian terbaik kepada pertikaian ini hendaklah berlandaskan undang-undang antarabangsa UNCLOS 1982; dan

Pendirian Ketiga :

Penyelesaian melalui arbitrase atau pihak ketiga boleh dirujuk kepada sebagai contoh Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau *International Court of Justice* (ICJ); Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (*International Tribunal on the Law of the Sea* (ITLOS)) atau mana-mana Tribunal Timbang Tara. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada ketika ini tidak bercadang untuk merujuk pertikaian tuntutan bertindih di Laut China Selatan melalui mana-mana pihak ketiga.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]
- TARIKH** : 13 MAC 2014 (KHAMIS)
- SOALAN** : Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan baru-baru ini TEKUN telah membuat pertukaran kakitangan secara besar-besaran di seluruh negara dengan alasan bagi mengelakkan rasuah dan penyelewengan. Bagaimana Kementerian dapat memastikan tindakan pertukaran kakitangan boleh diatasi dengan kes rasuah dan salah guna kuasa.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Pertukaran warga kerja adalah merupakan salah satu polisi yang terkandung di dalam Skim Perkhidmatan TEKUN Nasional dan ianya selari dengan Pelan Integriti TEKUN Nasional.

Penempatan seseorang warga kerja di sesuatu pejabat Kawasan Parlimen adalah selama 3 tahun dan selepas tempoh tersebut, pengurusan TEKUN Nasional boleh membuat penempatan baru bagi warga kerja tersebut sebagai satu pusingan kerja dan di samping ia membantu dalam meningkatkan prestasi kerja. Dengan perlaksanaan Sistem Pusingan Kerja, ia juga akan menyekat ruang dan peluang untuk berlakunya amalan rasuah dikalangan pegawai-pegawai tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2014

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) mengapakah sehingga kini pembinaan masjid di Cyberjaya masih belum disempurnakan;

dan

(b) mengapa berlakunya kelewatan dan adakah pemaju diambil apa-apa tindakan kerana

kelewatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

- a. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan masjid Cyberjaya telah dimulakan pada 20 Mac 2013. Upacara pecah tanah pembinaan juga telah dilaksanakan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 April 2013. Pembinaan masjid ini dijangka siap pada 19 Januari 2015.
- b. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada isu kelewatan dalam pembinaan masjid Cyberjaya memandangkan pembinaan telah bermula pada 20 Mac 2013 seperti yang dirancang dan sehingga 28 Februari 2014, pembinaan telah mengikut jadual di mana pencapaian kemajuan adalah sebanyak 28.7 peratus.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah langkah atau alternatif yang diambil Kementerian bagi menangani masalah kuantiti hasil getah yang berkurangan akibat daripada musim kemarau di mana daun getah akan luruh dan mengeluarkan pucuk hingga menjejaskan pengeluaran.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguguran daun getah merupakan satu fenomena semasa musim kemarau dari bulan Februari hingga Mei setiap tahun dan semasa musim ini penorehan getah tidak digalakkan. Ini adalah kerana pada musim tersebut aktiviti fotosintesis adalah rendah dan mempunyai kesan kepada fisiologi pokok yang menyebabkan hasil yang rendah.

Dalam musim kemarau, penorehan getah adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun penorehan secara kaedah D3 (toreh satu hari diselang dengan dua hari rehat) boleh dilakukan. Di samping itu, para pengusaha penanaman getah juga dinasihatkan supaya tidak menggunakan sebarang teknik rangsangan di sepanjang musim kemarau bagi mengelakkan kulit pokok menjadi kering. Amalan ini adalah perlu agar produktiviti pokok getah tidak terjejas dalam jangka masa panjang.

Selain itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) sentiasa menasihatkan para pekebun kecil supaya melakukan aktiviti pembajaan pada penghujung musim kemarau iaitu, di sekitar bulan Mei. Setelah musim kemarau berakhir, pekebun disaran untuk menggunakan teknik rangsangan bagi menggalak penghasilan susu getah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: ⁷¹73

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [Limbang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menambah bilangan pegawai penguatkuasaan LPKP Sarawak agar menambah keberkesanan penguatkuasaan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Penguatkuasa di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak adalah Pegawai Kader daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi melaksanakan tugas penguatkuasaan ke atas kenderaan perdagangan selaras dengan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334).
2. Adalah dimaklumkan bahawa LPKP Sarawak juga telah menerima tambahan tiga pegawai Penguatkuasa daripada JPJ melalui permohonan LPKP Sarawak kepada JPJ bertarikh 27 Jun 2012. Pada masa ini, LPKP Sarawak sedang menunggu hasil permohonan kepada pihak berkenaan berhubung pengisian baki kekosongan jawatan kader JPJ.
3. Penambahan pegawai penguatkuasa di LPKP Sarawak sememangnya amat penting dalam meningkatkan aktiviti penguatkuasaan ke atas pelesen kenderaan perdagangan di Sarawak. Dalam masa yang sama, LPKP Sarawak juga sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan pengangkutan jalan yang lain dalam operasi bersepadu yang dijalankan, khususnya pada musim perayaan utama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN
BAHAROM [KUBANG PASU]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN : 72

**Dato' Wira Mohd Johari Bin Baharom (Kubang Pasu) minta
MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai ICP
(*International Circulation Permit*):-

- (a) bilangan salahguna ICP secara terang terangan oleh van-van pelancong dari Negara Thailand yang didaftarkan sebagai kenderaan persendirian tetapi digunakan sebagai perkhidmatan awam; dan
- (b) untuk mengkaji semula kelonggaran 2km tanpa ICP, kerana ada salah guna daripada kenderaan asing yang memasuki Negara sehingga ke Pulau Pinang dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan kenderaan dari Negara Thailand yang didapati menyalahgunakan Permit Edaran Antarabangsa (ICP) termasuklah kesalahan tidak mempunyai ICP adalah sebanyak 188 buah pada tahun 2011, 151 buah pada tahun 2012 dan 167 buah pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang mengkaji semula kelonggaran yang diberikan kepada kenderaan dari Negara Thailand untuk memasuki Malaysia dalam radius 2km dari sempadan tanpa memerlukan ICP. Hasil kajian akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan.

Kementerian ini melalui JPJ sedang menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lebih terperinci bagi pengeluaran ICP terhadap kenderaan asing untuk menambahbaik SOP yang sedia ada.

Antara penambahbaikan SOP ini melibatkan:

- (i) keperluan pemohon untuk menyediakan senarai nama penumpang sebelum ICP dikeluarkan;
- (ii) memastikan ICP diserahkan kepada pejabat JPJ disempadan sebelum mereka kembali ke negara asal; dan
- (iii) mengehadkan tempoh sah laku ICP selaras dengan keperluan berada di Malaysia.

Penambahbaikan SOP ini adalah sebagai langkah untuk memastikan kenderaan-kenderaan asing tersebut tidak menyalahgunakan ICP bagi tujuan komersial dan menjejaskan pemandu teksi tempatan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, ICP hanya dikeluarkan kepada kenderaan persendirian negara asing sahaja. Kebenaran masuk bagi kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan adalah tertakluk di bawah kelulusan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

NO. SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6496

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perangkaan jenayah indeks and bukan indeks bagi 2014 hingga tempoh terkini, perbandingannya dengan tempoh sama tahun 2013, serta jumlah jenayah indeks dan bukan indeks 2013 mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis mengkategorikan statistik jenayah kepada dua bahagian iaitu jenayah bukan indeks (*Non Index Crime*) dan jenayah indeks (*Index Crime*). Bagi statistik jenayah indeks pula ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i) Jenayah Kekerasan:- melibatkan bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, mencederakan;**
- ii) Jenayah Hartabenda:- melibatkan kes curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut, dan pecah rumah & curi.**

Statistik jenayah indeks bagi seluruh negara mengikut negeri bagi tahun 2014 (Januari) dan perbandingan bagi tempoh yang sama tahun 2013 (Januari) seperti berikut:-

a) Statistik jenayah indeks tahun 2013 / 2014 (Januari)

KONTINJEN	Januari 2013	Januari 2014	+ /-	%
JOHOR	1,542	1,309	-233	-15.1
KEDAH	880	726	-154	-17.5
KELANTAN	432	547	115	26.6
KUALA LUMPUR	1,818	1,651	167	-9.2
MELAKA	385	344	-41	-10.6
NEGERI SEMBILAN	538	532	-6	-1.1
PAHANG	488	452	-36	-7.4
PERAK	748	690	-58	-7.8
PERLIS	115	63	-52	-45.2
PULAU PINANG	823	642	-181	-22.0
SABAH	501	453	48	-9.6
SARAWAK	900	611	289	-32.1
SELANGOR	3,704	3,501	203	-5.5
TERENGGANU	285	309	24	8.4
JUMLAH	13,159	11,830	1,329	-10.1

Statistik jenayah bukan indeks bagi seluruh negara mengikut negeri bagi tahun 2014 (Januari) dan perbandingan bagi tempoh yang sama tahun 2013 (Januari) seperti berikut:-

b) Statistik jenayah bukan indeks tahun 2013 / 2014 (Januari)

KONTINJEN	Januari 2013	Januari 2014	+ /-	%
JOHOR	1,237	1,047	-190	-15.4
KEDAH	521	451	-70	-13.4
KELANTAN	285	336	51	17.9
KUALA LUMPUR	664	727	63	9.5
MELAKA	120	82	-38	-31.7
NEGERI SEMBILAN	437	394	-43	-9.8
PAHANG	326	316	-10	-3.1
PERAK	543	463	-80	-14.7
PERLIS	80	53	-27	-33.8
PULAU PINANG	373	316	-57	-15.3
SABAH	309	312	3	1.0
SARAWAK	396	417	21	5.3
SELANGOR	1,075	1,538	463	43.1
TERENGGANU	199	191	-8	-4.0
JUMLAH	6,565	6,643	78	1.2

Statistik jenayah bukan indeks dan jenayah indeks bagi seluruh negara mengikut negeri bagi tahun 2013 seperti berikut:-

c) Statistik jenayah bukan indeks dan jenayah indeks tahun 2013

KONTINJEN	JEN. BUKAN INDEKS	JENAYAH INDEKS
	TAHUN 2013	TAHUN 2013
JOHOR	12,933	17,105
KEDAH	5,510	8,636
KELANTAN	3,499	5,737
KUALA LUMPUR	6,651	22,319
MELAKA	1,106	4,186
NEGERI SEMBILAN	4,399	5,993
PAHANG	3,364	5,257
PERAK	5,729	7,429
PERLIS	743	831
PULAU PINANG	4,222	7,936
SABAH	3,706	5,772
SARAWAK	4,119	9,191
SELANGOR	13,527	43,060
TERENGGANU	2,324	3,610
JUMLAH	71,832	147,062

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 13.03.2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan daripada laporan MACC Dato' Hj. Amiruddin Bin Hj. Hamzah yang dibuat pada 23 Januari 2014 di Kedah mengenai penyelesaian kes di luar mahkamah dalam kes sivil antara Heng Ghee Timber dan Bina Darulaman Berhad.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perkara yang dibangkitkan, ianya masih dalam tindakan siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [KLUANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cara dan rasional pengklasifikasian SPR membahagikan kawasan Parlimen dengan klasifikasi bandar raya, bandar, separuh bandar, separuh luar bandar dan luar bandar.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sehingga kini, Kerajaan berpandangan prinsip-prinsip persempadanan bahagian pilihan raya yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Oleh yang demikian, SPR akan menggunakan prinsip-prinsip tersebut dalam urusan persempadanan pada kali ini.

Berhubung dengan pembahagian kawasan kepada lima kategori, ianya hanyalah urusan pentadbiran SPR sahaja. Ia bertujuan bagi memudahkan kerja-kerja yang dilakukan oleh SPR. Walau bagaimanapun, pembahagian kawasan yang ditetapkan oleh SPR ianya tidak sama sekali melanggar prinsip-prinsip persempadanan yang telah ditetapkan di bawah Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang miskin yang diberikan kepada Kerajaan melalui KAR1SMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua (BOT) yang disediakan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (KAR1SMA) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Ogos 2011 adalah bukti keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat terutama golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, bantuan kebajikan turut diberikan kepada golongan warga emas melalui KAR1SMA Warga Emas.

Sukacita saya nyatakan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan KAR1SMA Warga Emas kepada 152,138 orang warga emas pada tahun 2012, melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM519.3 juta. Jumlah peruntukan KAR1SMA Warga Emas ini merupakan 35.3% daripada jumlah keseluruhan peruntukan bantuan kebajikan.

Manakala bagi tahun 2013 iaitu hingga bulan November, seramai 150,354 orang telah menerima KAR1SMA Warga Emas, melibatkan peruntukan berjumlah RM455.43 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian Kementerian sehingga sekarang dalam usaha membantu golongan kurang berkemampuan:

- (a) Apakah program-program baru Kementerian dalam usaha membantu golongan miskin; dan
- (b) usaha Kementerian mengatasi masalah kemiskinan bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan mereka yang kurang berkemampuan. Sehubungan itu, program baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah seperti berikut:

(i) Program *Beyond* 1AZAM

Kementerian ini mempunyai perancangan untuk melaksanakan program *Beyond* 1AZAM yang merupakan program lanjutan kepada Program 1AZAM. Dalam hal ini, Kementerian sedang meneliti kemungkinan untuk membantu peserta Program 1AZAM yang mempunyai potensi untuk mengembangkan perniagaan mereka menerusi pembiayaan pinjaman *micro credit* melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Agro Bank.

(ii) Program Mamacare

Di samping itu, Kementerian akan melaksanakan Program Mamacare untuk penjagaan selepas bersalin secara tradisional dan moden kepada kaum ibu. Berdasarkan program rintis pada tahun 2013, seramai 89 orang wanita terdiri daripada ibu tunggal dan warga emas telah dilatih bagi mengikuti program ini. Bagi kumpulan pertama, seramai 31 orang telah dipantau bermula Januari 2013 hingga Disember 2013 dengan pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Bagi tahun 2014, kementerian akan melatih seramai 300 orang wanita bagi mengikuti program ini.

(iii) Program Micro Franchise

Selain itu, KPWKM akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Program Micro Franchise untuk melahirkan usahawan wanita bagi menjalankan perniagaan francais. Kebiasaannya, orang ramai sering mengaitkan francais dengan modal yang besar seperti francais McDonalds, Kentucky Fried Chicken dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga francais kecil di bawah RM50,000. Dalam hal ini, Kementerian mengambil inisiatif

untuk melahirkan lebih ramai wanita dalam bidang mikro francais. Bagi tahun 2014, Kementerian mensasarkan seramai 100 orang wanita yang akan dilatih melalui program ini.

(iv) Kerjaya sebagai Pemandu Wanita Bas RapidKL

KPWKM dengan kerjasama Syarikat Pengurusan RapidKL telah menganjurkan Seminar Kerjaya Pemandu Wanita Bersama RapidKL pada 5 Februari 2014 melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sebagai satu landasan untuk menyemarakkan penglibatan wanita dalam bidang pemanduan bas. Program ini merupakan satu lambang usaha Kementerian yang komited dan berterusan dalam memberi peluang pembangunan diri kepada wanita di samping menjana pendapatan dengan kerjaya yang bersesuaian dan terjamin.

Tuan Yang Dipertua,

- b) Pihak kerajaan turut prihatin tentang isu kemiskinan bandar. Di bawah Program 1AZAM, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dilantik untuk

menjalankan inisiatif AZAM Bandar bermula pada tahun 2013 dengan menyediakan bantuan perniagaan melalui Program AZAM Niaga khusus kepada masyarakat miskin di kawasan bandar. Bagi tahun 2013, hingga 31 Disember 2013 terdapat seramai 1,760 orang peserta telah mendapat faedah daripada program tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 13.03.2014 (KHAMIS)

DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejak Operasi Harga dijalankan mulai Januari hingga Februari berapa ramai jumlah peniaga yang diambil tindakan dan jumlah barang rampas keseluruhan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan **OPS HARGA 2014** yang bermula pada **1 Januari 2014** dan masih diteruskan sehingga kini. Tujuan utama OPS HARGA 2014 adalah untuk mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dengan mempergiatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan secara berlebihan.

Sehingga 28 Februari, sebanyak 254,407 pemeriksaan telah dijalankan menghasilkan 2,239 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM 360,187.79 dan nilai kompaun sebanyak RM 127,550.00

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS
[ROMPIN]

TARIKH : 13 MAC 2014

SOALAN:

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagi mendalamkan dan membuat benteng-benteng pemecah ombak di Kuala Rompin bagi memudahkan dan memberi perlindungan kepada bot-bot laut dalam menjalankan aktiviti seharian mereka dan sebagai benteng kehakisan pantai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyedari akan masalah yang dihadapi oleh bot-bot laut dalam untuk keluar masuk muara ke pengkalan mereka. Buat masa ini, memandangkan peruntukan RMKe-10 adalah terhad, pelaksanaan projek berkenaan tidak dapat dilaksanakan di kawasan tersebut.

Kementerian prihatin akan masalah ini dan akan berusaha untuk menanganinya tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan dalam RMKe-11 kelak.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD.RAMLI [KUALA KRAI]
TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Majlis Fatwa Kebangsaan atau Majlis Fatwa Negeri ada memberikan fatwa terhadap keharusan hukum faedah yang di "award"kan di dalam kes-kes tuntutan sivil di mahkamah. Jika tiada, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberi penjelasan hukum berkenaan.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Fatwa Kebangsaan atau Majlis Fatwa Negeri setakat ini belum mengeluarkan fatwa atau pandangan hukum secara khusus berkaitan dengan hukum faedah yang di "award"kan di dalam kes-kes tuntutan sivil di mahkamah.

Sekian, terima kasih.